# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 26 | RABU 28HB. JUN, 1978. | رابو 22 رجب 1398 | PERCHUMA


## SHARIKAT2 PERNIAGAAN DI-SERU:

# TAMBAH USAHA LATEH ANAK2 TEMPATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Md Salleh bin Haji Hidup ketika beruchap di-perasmian Bangunan Sharikat Perdagangan dan Perchetakan Bintang, pada hari Sabtu lepas, mengharapkan dalam proses perkembangan sharikat itu akan dapat menambah lagi usaha2-nya dalam melateh anak2 Melayu tempatan untok mendapatkan 'skill' yang di-perlukan dalam jurusan perusahaan ini dalam semua perengkat atau dari 'floor level' kapada 'executive' atau 'manageral level'.

Di-samping itu, beliau mengharapkan sharikat tersebut akan dapat pula mengkaji semula financial organisation structure-nya, untok tujuan2 menarek perhatian pengusaha2 Melayu tempatan mengambil **active participation** dalam jurusan permodalan-nya.

"Ini bukan hanya terhad kapada sharikat saperti ini, tetapi menyeluroh kapada bidang2 perniagaan yang lain, dari pembekal2 keperluan sa-hari2, hingga-lah kapada firma2 lain yang lebeh maju, saperti pembekal2 kenderaan dan seterus-nya kapada sophisticated firm saperti firma insuran dan lain2-nya", tambah beliau.

Beliau berpendapat kesedaran begini yang datangnya dari dalam lengkongan pengusaha itu sendiri, akan chepat berkesan daripada kesedaran yang di-datangkan kapada mereka melalui arahan2 rasmi dan peratoran2 yang tertentu.

Sa-jauh yang kita ketahui, tambah-nya lagi, Kerajaan DYMM, mempunyai banyak langkah2 yang positif untok mengatasi kelemahan orang2 Melayu dalam berbagai perusahaan termasok-lah memberi pelajaran yang intensif kapada tenaga2 muda untok mendapatkan skill atau kemahiran dan lain2.

"Langkah2 itu ada-lah sangat kena pada tempatnya dan pengusaha2 pendatang, pengusaha2 bukan Melayu, tidak seharus-nya merasa churiga atau bimbang terhadap usaha2 Kerajaan itu.

Sebalek-nya ada-lah wajar, bagi pengusaha2 bukan Melayu, dengan pengalaman, kemahiran dan permodalan mereka dapat membantu Kerajaan dalam usaha2 yang berkebajikan itu untok menchipta keharmonian di-kalangan pengusaha2 Melayu dan bukan Melayu", tegas Awg Mohd Salleh.

Menurut beliau lagi, pada waktu ini maseh terdapat persaingan yang tidak sa-imbang di-antara pengusaha2 Melayu dan pengusaha2 tempatan dengan pengusaha2 pendatang dan pengusaha2 bukan Melayu.

Pegawai Daerah itu menggariskan dua perkara yang menyebabkan suasana tidak sa-imbang itu berlaku ia-itu :

★ Ada-nya eleman2 **Ali Baba** dan sebab2 yang mengujudkan hubongan **Ali Baba** itu. Jika perkara ini benar, salah satu dari langkah yang boleh di-lakukan oleh pengusaha2 Melayu ia-lah dengan menguatkan atau merapatkan lagi hubongan kerjasama permodalan mereka. Bak kata pepatah "Berat sama di-pikul ringan sama di-jinjing" dan

★ Di-kalangan pengusaha2 Melayu dan tempatan sendiri maseh terdapat beberapa konfliks. Kalau benar perkara ini berlaku, salah satu dari chara-nya mengatasi ia-lah mengujudkan perpaduan yang kuat di-kalangan mereka dengan membanyakkan usaha2 bersama, saperti kata pepatah "Bersatu kukoh bercherai roboh."

Perlu pula di-ingatkan bahawa dalam usaha mengatasi kesulitan2 tersebut, masa-nya tidak-lah sa-chepat perkataan, malah ia-nya banyak jalan penoh liku dan debu harus di-tempoh atau di-lalui, ujar-nya.

"Di-kalangan pengusaha2 bukan Melayu dan pengusaha2 pendatang pula maseh ada yang menganggap pengusaha2 Melayu dan tempatan itu belum terdaya mengambil active participation di-bidang perusahaan. Jika benar fahaman ini ada, semesti-nya-lah pula di-hapuskan; kerana pengusaha2 Melayu dan tempatan sendiri telah banyak memboktikan bahawa dengan ada-nya peluang dan suasana yng menggalakkan pengusaha2 Melayu juga mampu dan upaya menchipta 'success story' atau kemajuan", tegas Awang Md Salleh lagi.

"Ada-nya di-antara sa-golongan kechil pengusaha2 bukan Melayu dan pengusaha2 pendatang yang menganggap keadaan Negeri Brunei yang stabil dalam berbagai aspek ini sa-bagai ideal untok di-jadikan objek exploitasi dan mereka menyukat keuntongan perniagaan hanya dari segi monetary value sahaja, sedangkan moral dan social value-nya langsong tidak di-indahkan. Kalau-lah benar perkara ini berlaku dan berterusan berlaku maka jurang antara pengusaha2 tempatan dan pengusaha2 Melayu dengan pengusaha2 pendatang dan pengusaha2 bukan Melayu akan bertambah luas. Langkah2 yang positif untok mengelakkan-nya mesti-lah di-fikirkan dengan serious," jelas-nya.



**Awang Mohd Salleh ketika beruchap di-majlis perasmian bangunan Sharikat Perdagangan dan Perchetakan Bintang pada hari Sabtu lalu.**

## Jawatan2 di-projek Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Buroh mengumomkan minggu ini bahawa permohonan2 ada-lah di-pelawa dari raayat Kebawah DYMM untok memenohi jawatan2 bagi menyelanggarakan projek2 Kerajaan. Pada perengkat permulaan jawatan2 itu ada-lah sa-chara bergaji hari dan berpeluang juga untok di-lantek ka-jawatan tetap atau bulan ka-sebulan di-perkhdimatan awam sa-telah menunjokkan kebolehan mereka.

Jawatan2 itu ia-lah: 6 opereter jentera berat, 4 opereter trektor berat, 8 opereter Jengkaut, 2 pemandu trektor dan 6 jurugegas (fitter) jentera berat.

Pemohon2 yang ingin untok mendapatkan kerja2 tersebut ada-lah di-nasehatkan supaya mendaftar dan datang ka-Jabatan Buroh, Bandar Seri Begawan pada waktu bekerja.

## "Makmor" dan "Tenteram" di-Temburong

PEKAN BANGAR. — Dua puloh orang anggota pulis yang terpileh untok berkhidmat dalam chawangan laut Pulis Diraja Brunei sedang giat menjalani latehan2 asas berkhidmat di-laut.

Latehan2 itu bukan saja berligar dalam mempelajari selok-belok meronda, menyelamat, peratoran2 di-laut, pemeliharaan kapal, tetapi juga mengenali perayeran dan sungai2 di-Brunei serta merapatkan diri mereka dengan orang ramai.

Hari Jumaat lepas, dua buah kapal ronda Pulis Diraja — PDB 03 "Makmor" di-bawah perentah Inspektor Awang Gais bin Awang Besar dan PDB 05 "Tenteram" di-bawah perentah Inspektor Pengiran Zainal bin Pengiran Ahmad telah mengadakan lawatan muhibbah ka-Pekan Bangar dalam Daerah Temburong dengan membawa 37 orang anggota termasok 20 orang yang sedang menjalani latehan2 asas itu.

Inspektor Awang Gais menyatakan, lawatan mereka ka-Temburong itu ada-lah pertama kali dalam siri latehan bagi 20 orang anggota baru bagi pengambilan yang kedua itu.

Dalam bulan Mach yang lalu, kata-nya, lawatan yang serupa telah di-lakukan ka-Daerah Belait dengan membawa bilangan yang sama anggota2 baru bagi pengambilan yang pertama. Lawatan ka-Daerah Belait itu telah melibatkan tiga buah kapal ronda.

Pada masa ini, anggota2 dalam pengambilan yang pertama itu sedang berada di-Republik Singapura untok menjalani latehan2 lanjut dengan Pulis Laut negara itu. Mereka di-jangka pulang ka-tanah ayer dalam bulan Julai depan.

Anggota2 dalam pengambilan yang kedua itu juga akan menjalani latehan lanjut di-Singapura sa-lama tiga bulan dan akan meninggalkan tanah ayer dalam bulan depan.

Dalam lawatan mereka ka-Temburong itu, mereka telah mengadakan beberapa achara perlawanan sokan saperti bola tampar, sepak takraw dan beberapa achara permainan dalam saperti snooker dengan pegawai2 dan pendudok2 di-daerah itu.

Mereka juga mengadakan majlis ramah-tamah di-sebelah malam yang telah di-hadhiri sama oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Haji Mohammad, Pegawai2 Kerajaan, penghulu2 dan ketua2 kampong serta orang2 kenamaan di-daerah itu.

Orang ramai di-daerah itu juga telah di-beri peluang untok melihat2 kedua buah kapal ronda polis itu.

Pulis Diraja Brunei chawangan laut yang berpangkalan di-Muara itu baru saja di-tubohkan sejak kira2 tiga tahun yang lalu dengan 43 orang anggota dan pada masa ini ia-nya telah mempunyai kira2 80 orang anggota dan mempunyai enam buah kapal ronda. Chawanan itu akan di-bekalkan lagi dengan dua buah kapal ronda jenis jet dan sa-buah landing-craft. Ini akan menambahkan lagi kechekapan chawangan itu dalam mengawal keselamatan raayat dan negara.

Enam buah kapal ronda yang ada sekarang, masing2 di-beri nama PDB 01 "Aman"; PDB 02 "Damai"; PDB 03 "Makmor"; PDB 04 "Santosa"; PDB 05 "Tenteram"; dan, PDB 06 "Sejahtera".




**"Makmor" dan "Tenteram" ketika tiba di-tembatan Bangar.**

## Gudang sejok di-perbaiki

PEKAN MUARA. — Gudang simpanan sejok Pelabohan Muara sedang di-perbaiki.

Pemangku Pengawal Pelabohan2, Awang Anthony Chin menyatakan sa-masa kerja2 membaiki gudang tersebut, pengimpot2 barang sejok ada-lah di-nasehatkan supaya meranchang pesanan2 mereka dan menguruskan pemunggahan terus dari kapal ka-kenderaan dan menyimpan barang2 tersebut ka-dalam bilek simpanan sejok mereka sendiri.

Kata-nya, kerja2 membaiki gudang tersebut akan mengambil masa kira2 dua bulan dan peniaga2 akan di-beritahu sa-baik2 sahaja kerja2 membaiki itu selesai.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

28HB JUN, 1978

## MEMBASMI PERBUATAN MENCHABUL KEHORMATAN

PERINGATAN, nasehat atau lebeh tegas lagi di-sebutkan di-sini ia-lah amaran dari pehak berkuasa Pulis terhadap bertambah-nya kejadian menchabul kehormatan ka-atas anak2 gadis di-negeri ini, ada-lah suatu perkara yang patut di-ambil perhatian berat oleh ibubapa dan juga saudara-mara yang punya anak2 gadis supaya jangan membiarkan mereka itu berkeliaran ka-sana ka-mari dengan tidak tentu arah tujuan-nya.

Yang amat membimbangkan kita terhadap kejadian itu sa-bagaimana menurut Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, ada menyatakan baharu2 ini dalam serbuan Pulis ka-sebuah rumah kediaman yang di-gunakan sa-bagai tempat penggunaan dadah, terdapat tidak kurang dari enam orang gadis belasan tahun di-jumpai dengan lelaki yang bukan keluarga-nya. Berdasarkan kenyataan ini, kebimbangan kita terhadap kejadian menchabul kehormatan ka-atas anak2 gadis itu semakin ketara dan kemungkinan lebeh banyak lagi kejadian serupa itu berlaku, tetapi kebanyakan gadis atau ibubapa atau penjaga mereka malu untok melaporkan kejadian itu kapada pehak Pulis.

Menurut Pesurohjaya Pulis itu juga bahawa kebanyakan kejadian seumpama itu di-laporkan menunjokkan kechuaian ibubapa yang membenarkan anak2 gadis mereka keluar sa-hingga larut malam. Kejadian itu juga berpuncha di-sebabkan gadis2 itu menerima pelawaan untok menaiki kereta dari orang2 yang mereka tidak kenali atau pun orang2 yang baru mereka kenali.

Untok mengelakkan atau sekurang2-nya bagi mengurangkan kejadian menchabul kehormatan anak2 gadis itu, ia-lah ibubapa, penjaga atau saudara-mara yang punya anak2 gadis supaya memberikan kerjasama dua hala, ia-itu, menjaga anak2 gadis mereka dan juga anak2 muda (lelaki) mereka pada mengawasi sa-tiap gerak-geri anak2 itu samasa berada di-rumah dan pengawasan pehak2 yang tertentu sa-masa mereka itu di-sekolah atau asrama.

Kerjasama untok melaporkan sa-tiap kejadian itu kapada pehak berkuasa Pulis, tanpa ragu2 dan malu ada-lah perlu demi untok kebaikan. Peringatan2 atau nasehat dari Pesurohjaya Pulis, saperti: Gadis2 di-larang memakai pakaian mendedahkan tuboh yang menarek perhatian kaum lelaki; Jangan menerima pelawaan dari orang2 yang tidak di-kenali kechuali saudara-mara mereka; Jika di-ekori oleh orang2 yang tidak di-kenali, mereka hendak-lah menghindarkan diri; kalau berkereta hendak-lah menchatitkan nombor kereta dan memberi tahu kapada anggota Pulis yang bertugas atau ka-Balai Pulis yang berdekatan, patut di-jadikan panduan.

Sebarang kelengahan pada memberikan kerjasama dalam perkara tersebut akan menambahkan lagi satu beban kapada masharakat dan juga negara. Bagaimana pun, perkara yang tidak di-ingini itu kita perchaya akan dapat di-kawal dari merebak dengan ada-nya kerjasama masharakat di-negeri ini seluroh-nya.

## PERKHIDMATAN PERUBATAN KA-KAMPONG2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan melawat 15 buah kampong di-pendalaman di-tiga daerah di-negeri ini bulan depan untok memberikan perkhidmatan perubatan kapada pendudok2 di-kampong2 tersebut.

Menurut jadual yang di-sediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, rombongan tersebut akan melawat lapan buah kampong di-Daerah Tutong; empat di-Belait dan tiga di-Daerah Daerah Temburong. Lawatan rombongan perubatan itu akan bermula pada 4hb dan berakhir pada 31hb Julai.

Kampong2 di-Daerah Tutong yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Benutan pada hari Selasa 4hb Julai; Panchong pada hari Selasa 11hb Julai; Ukong pada hari Rabu 12hb Julai; Belabau pada hari Selasa 18hb Julai; Supon Besar pada hari Isnin 24hb Julai; Long Mayan dan Supon Kechil pada hari Selasa 25hb Julai dan Bukit pada hari Rabu 26hb Julai.

Rombongan tersebut akan melawat Kampong Sukang, Belait pada hari Isnin 17hb Julai; Melilas pada hari Selasa 18hb Julai dan Baran dan Teraja pada hari Isnin 31hb Julai.

Kampong Lopat, Biang Menengah dan Lamaling kesemua-nya di-Daerah Temburong masing2 akan di-lawati oleh rombongan tersebut pada 5hb dan 10hb Julai.

Pendudok2 kampong2 yang berkenaan ada-lah dinasehatkan supaya bersedia di-tempat2 yang biasa-nya di-jadikan kelinik sementara apabila rombongan tersebut melawat ka-kampong2 mereka Kad2 perubatan jika ada, hendak-lah juga di-bawa bersama.





DAYANG Hamidah binte Jamudin dari Tutong telah berjaya memenangi tempat pertama dalam peraduan nyanyian perengkat negeri.

Tempat kedua di-menangi oleh Awang Jasni bin Buntar (kiri) dan pemenang ketiga ia-lah Awang Basir bin Hanifah.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Badan Drama dan Muzik Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan itu telah di-adakan di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan pada 17hb Jun yang lalu.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohd Salleh bin Haji Hidup telah merasmikan peraduan tersebut sementara isteri beliau menyampaikan hadiah kapada pemenang2. Gambar atas, kelihatan beliau menyampaikan hadiah kapada pemenang pertama, Dayang Hamidah.

Peraduan pada malam itu telah di-serikan dengan persembahan nyanyian dari tiga orang artis dari Malaysia ia-itu Abdullah Chik, Rosemaria Abdul Hamid dan Latif Ibrahim. Johan MUTIKA 1978, Dayang S. Ros dan beberapa orang penyanyi tempatan yang berbakat juga turut menyumbangkan suara mereka pada malam itu.

## Sumbangan derma

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dayang Zaleha binte Tengah, mangsa kebakaran di-Kampong Delima Satu, menerima dua sumbangan derma wang tunai berjumlah $1,010 dan satu bungkusan kain baju.

Derma pertama berupa wang tunai berjumlah $510.00 dan bungkusan kain baju telah di-sumbangkan oleh kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan. Derma tersebut telah di-sampaikan kapada beliau oleh Awang Maidin bin Iring di-Ibu Pejabat Jururawat di-sini pada hari Rabu lepas.

Derma kedua telah di-sumbangkan oleh guru2 dan penuntut2 Sekolah Inggeris Berakas. Derma yang berupa wang tunai berjumlah $500.00 itu telah di-sampaikan oleh Pengetua sekolah tersebut, Awang Adnan bin Buntar kapada wakil Dayang Zaleha, Awang Ali bin Piut.

Awang Adnan menyatakan bahawa wang tersebut ada-lah hasil kutipan dari guru2 dan penuntut2 sekolah tersebut.

Beliau menambah, bahawa usaha yang tidak saperti-nya itu ada-lah senghaja di-lakukan demi untok membiasakan penuntut2 menanamkan rasa simpati dan sifat saling bantu-membantu di-dalam apa juga kesusahan yang di-alami.

Dalam bulan Mei yang lalu, guru2 dan penuntut2 sekolah tersebut juga menyumbangkan derma yang sama berjumlah $943.60 kapada mangsa kebakaran di-Sungai Hanching ia-itu Awang Iring bin Abdul Latif.

## Majlis sambutan Isra' Me'raj

KAMPONG LURONG DALAM. — Satu majlis sambutan Isra' dan Me'raj anjoran Jawatankuasa Pertiwi di-Kampong Lurong Dalam sini akan di-adakan pada 7hb Julai, 1978 akan datang, mulai jam 2.00 petang.

Achara kemunchak dimajlis sambutan Isra' dan Me'raj itu ia-lah sharahan khas dari salah sa-orang Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama. Di-samping itu beberapa achara berupa keugamaan akan menyerikan majlis tersebut.

Dayang Maimonah binte Haji Mohd. Salleh yang juga Setia Usaha Pertiwi Kampong Ayer, mempersilakan pendudok Kampong Lurong Dalam dan kampong2 sekitar-nya supaya akan dapat hadhir ka-majlis tersebut.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 1hb. hingga 5hb. Julai, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 1.7.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 1.7.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 1.7.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | *3.7.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | *3.7.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 4.7.1978 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 4.7.1978 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 5.7.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 „ |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 5.7.1978 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 5.7.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |

* 3hb Julai, 1978 — Chuti Isra' dan Me'raj.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 22hb Jun, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24½ kati) — $27.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Aik Thye,
   No. 25, Jalan Sultan.
2. KACHANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Leong Soon Huat,
   N. 1, Jalan McArthur.
3. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa—340 gms) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.
   b) A. Muthian,
   No. 9, Jalan McArthur.
   c) Hong Guan (Koon Kee),
   No. 10, Jalan McArthur.
   d) Ming Thai Co.,
   No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24½ kati) — $27.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Soo Seng,
   No. 32, Jalan Pretty.
2. KACHANG MERAH — $1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chin Fatt,
   No. 60-B, Jalan Pretty.
3. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa—340 gms) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Lian Ho,
   No. 24, Jalan Pretty.

**SERIA :**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24½ kati) — $27.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hudson Company,
   No. 31, Jalan Sultan Omar Ali,
2. KACHANG MERAH — $1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sim Fatt Hin,
   No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
3. MEAT CURRY POWDER (Chap Rusa—340 gms) — $1.60 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Siong Huat,
   No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning,

# SANJONGAN DAN PUJIAN BUKAN TERLETAK ATAS KEGAGAHAN




BERAKAS. — Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar menegaskan bahawa sanjongan dan pujian bukan sahaja terletak atas alasan kegagahan, kechekapan dan keberanian sahaja, tetapi ia-nya ada-lah juga di-ukor dan di-nilai dari ketinggian moral, sopan-santun dan tata-tertib yang terpuji.

"Sopan-santun dan tata-tertib itu juga harus-lah selari dengan kehendak tamaddun bangsa Brunei yang sudah ujud berkurun2 di-bumi darussalam ini", tambah beliau.

Dato Paduka Awang Haji Abdullah berkata demikian ketika beruchap kapada 80 orang rekrut pengambilan ke-44 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-Upachara Perbarisan Tamat Latehan yang berlangsong di-Perkhemahan Bolkiah pada hari Jumaat lalu.

Dato Paduka Awg Haji Abdullah, yang terdahulu sa-belum itu memereksa perbarisan dan menerima tabek kehormatan sa-jurus ketibaan beliau ka-upachara itu, mensifatkan hari tamat latehan mereka pagi itu ada-lah merupakan hari yang memberi nilai yang bererti di-atas ujian2 yang telah mereka tempoh dan jalani dalam masa latehan untok menjadi perajurit yang agong dan berkualiti.



DATO Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar sedang beruchap di-upachara tersebut.

Beliau yakin, mereka ada-lah perajurit yang gagah dan chekap dan berkemampuan untok menjamin kesejahteraan dan kedaulatan negara di-samping mempertahankan imej pasokan yang tinggi.

"Kemampuan saperti ini bukan-lah semudah kita bermadah, tetapi memerlukan tanggong-jawab yang tinggi, saya yakin ini-lah yang ada dan di-mileki oleh perajurit2 hari ini sa-bagai tanggong-jawab yang berat yang di-sanjong dan di-pandang mulia oleh masharakat umom-nya", jelas Dato Paduka Awang Haji Abdullah.

Dato Paduka Awg Haji Abdullah mengingatkan, meskipun dalam keadaan negara kita sekarang ini aman dan tenteram, mereka sa-bagai perajurit yang terlateh harus-lah berwaspada pada setiap waktu dan menunjokkan kechekapan mereka bila sampai waktu-nya negara dan bangsa mengharapkan tanggong-jawab mereka bagi mengawal keamanan dan kestabilan negara.

Pegawai Daerah Belait itu seterus-nya menyatakan tahniah beliau kapada rekrut yang terpileh sa-bagai perajurit terbaik di-sepanjang menjalani latehan itu dengan mengharapkan kejayaan yang mereka chapai itu bukan hanya dalam masa latehan sahaja, tetapi akan di-chapai di-mana2 saja sepanjang masa.

Sa-bagai sa-buah yunit atau pasokan, kata Dato Paduka Awg Haji Abdullah, semangat perpaduan, sedia berwaspada dan bertindak pada bila2 masa sahaja ada-lah merupakan senjata yang lebeh "sophisticated" dari senjata yang ada di-tangan mereka.

Dato Paduka Awg Haji Abdullah menyatakan lagi, selaku sa-orang pemuda yang melayakkan diri sa-bagai anggota askar dalam pasokan tersebut, nilai2 kepemudaan mereka lebeh tinggi dari mereka yang hanya mundar-mandir ka-sana ka-mari tanpa tujuan yang tertentu.

"Oleh itu saya mengambil kesempatan di-majlis ini menyeru kapada pemuda2 yang tidak kurang kegagahan-nya tampil memasoki pasokan Askar Melayu Diraja Brunei untok menyumbangkan bakti-nya kapada Sultan, bangsa dan negara", kata Dato Paduka Awang Haji Abdullah mengakhiri uchapan.

## Terima lantekan Pegawai Kadet AMDB

DI-SAMPING itu pada hari yang sama juga sa-telah selesai-nya upachara tamat latehan, bertempat di-Mess Pegawai AMDB, Bolkiah Kem, sa-ramai tiga orang anggota lepasan rekrut pengambilan ke-44 telah menerima lantekan pangkat Pegawai Kadet AMDB.

Upachara menerima lantekan itu telah di-lakukan oleh Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar di-hadapan pegawai2 kanan AMDB serta keluarga lepasan rekrut berkenaan.

Mereka yang terpileh ia-lah perajurit Meris bin Liram, yang juga merupakan salah sa-orang lepasan rekrut yang terbaik dalam menembak HK13, perajurit Haji Said bin Haji Puteh dan perajurit Johar bin Haji Mohammad.

Ketiga2 mereka yang baru menerima lantekan Pegawai Kadet tersebut ada-lah di-jangka akan meninggalkan tanah ayer untok mengikuti kursus lanjutan ketenteraan di-seberang laut dalam bulan Julai ini.

Pegawai Kadet Meris bin Liram akan berkursus ka-Singapura bersama dengan Pegawai Kadet Johar bin Haji Mohammad sa-lama 9 bulan bertempat di-Institiut Latehan Angkatan Udara Singapura (SAFTI) dan akan bertolak pada 23hb Julai.

Sementara Pegawai Kadet Haji Said bin Haji Puteh pula akan berkursus ka-United Kingdom di-Akademik Tentera Diraja, Sandhurst sa-lama enam bulan. Sa-belum ka-akademik tentera tersebut Pegawai Kadet Haji Said akan mengikuti kursus bahasa Inggeris terlebeh dahulu di-Canielot, London. Dia akan meninggalkan negeri ini pada 15hb Julai depan.



PEGAWAI2 Kadet yang baru dari kiri: Pegawai Kadet Meris, Pegawai Kadet Haji Said dan Pegawai Kadet Johar.

## Empat rekrut, sa-orang Jurulateh terbaik

SA-RAMAI lima orang anggota perajurit; sa-orang jurulateh dan empat orang rekrut tamat latehan telah terpileh sa-bagai terbaik dalam kebolehan mereka sepanjang menjalani latehan sa-lama enam bulan bagi tahun ini.

Peristiharan mereka itu telah di-umomkan di-upachara perbarisan tamat latehan bagi pengambilan rekrut yang ke-44 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang di-adakan di-Perkhemahan Bolkiah, Berakas pada hari Jumaat yang lalu.

Mereka telah juga menerima hadiah yang berupa oskar yang di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar selaku pegawai yang menerima tabek hormat dan memereksa perbarisan tamat latehan itu.

Rekrut 6126, Narawi bin Haji Omarali telah terpileh sa-bagai terbaik semua jurusan bagi pengambilan ke-44, sementara rekrut 6160, Batong bin Kading terpileh sa-bagai terbaik dalam menembak M16.

Rekrut 6121, Meris bin Liram ada-lah rekrut terbaik dalam menembak HK13, manakala anggota rekrut terbaik dalam Latehan Jasmani ia-lah rekrut 6124, Abd. Latif bin Husin.

Jurulateh terbaik bagi pengambilan ke-44, 1978 ia-lah Kopral Dulamit bin Burut. Kopral Dulamit berasal dari Daerah Temburong dan telah mencheborkan diri dalam Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dalam tahun 1972. Sa-telah tamat latehan dalam pasokan tersebut, Kopral Dulamit telah di-tempatkan di-'E' Kompeni, Battalion Pertama dengan di-naikkan pangkat ka-L/Kopral pada 31hb Mei, 1975 dan berpindah ka-Battalion Kedua pada 1976.

Sa-telah berkhidmat dalam Battalion Kedua, beliau di-naikkan pangkat Kopral pada tahun 1977 yang kemudian-nya di-tukar lagi ka-Perkhemahan Bolkiah sa-bagai jurulateh di'R' Kompeni sa-hingga pada masa ini.



DATO Paduka Awang Haji Abdullah sedang menyampaikan hadiah kapada jurulateh terbaik pengambilan ke-44, Kopral Dulamit (gambar atas) manakala gambar bawah, empat orang rekrut terbaik bagi pengambilan itu dari kiri: Rek. Batong bin Kading, Rek. Meris bin Liram, Rek. Abdul Latif bin Hussin dan Rek. Narawi bin Haji Omarali.



## Tiga buah lagi kapal tentera

BERAKAS. — Sa-banyak tiga buah lagi kapal tentera akan di-mileki oleh Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB. Kapal2 tersebut yang berukoran tujoh meter ada-lah merupakan kapal2 jenis waspada sempena mengambil nama kapal yang pertama dari tiga buah tersebut yang di-namakan 'KDB Waspada'.

KDB Waspada telah pun di-lancharkan pada April 1977 oleh Datin Hajjah Zaharah, isteri YB. Setia Usaha Kerajaan, sementara KDB Pejuang (kapal kedua) telah di-lancharkan oleh Datin Saidah, isteri Pegawai Pemerentah Battalion Pertama, YB. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad dan di-lancharkan pada Mei yang baru lalu.

Manakala kapal ketiga KDB Setria telah di-lancharkan pada 22hb Jun lepas oleh Datin Pengiran Zubaidah isteri YAM Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Kol. Pg. Ibnu. Ketiga2 buah kapal tersebut telah di-lancharkan di-Republik Singapura di-mana kapal2 itu di-tempah oleh Pasokan AMDB.



THE Commissioner of Police Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid cutting the ribbon to declare open the twelfth annual sports meeting among upper secondary schools throughout the State held at the Berakas English School recently.

More than five hundred students including girls competed in the thirty-seven field and track events.

The Sixth Form Centre won the overall championship with the Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah trailing a close second and the Perdana Wazir English School third.

The day also saw five new records. These were in the 5000 meter by Md Salleh Umar of the Sixth Form Centre; high jump (girls) by Mahani Lani also of the Sixth Form Centre; javelin by Djaton Sukaimi of the Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, high jump (boys) by Rahim Silang also of the Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah; and shot putt by Chai Nguk Len of the Chung Ching Middle School, Seria.

The wife of the police commissioner, Pengiran Salmah binte Pengiran Anak Ismail presented the prizes to the winners at the end of the meeting.

# SILAT AND KUNTAU

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei Muara District will be represented in the state finals of the Malay martial arts competition next month by Awang Laki bin Haji Mohammad Zain and Awang Haji Suhaili bin Haji Abu Bakar.

Awang Laki and Awang Haji Suhaili won the right to represent the district after emerging champions respectively in the Silat and Kuntau sections in the competition held at the Town Hall here last Tuesday and Wednesday nights.

A total of eleven people took part in the Silat section and nine in the Kuntau section.

Second in the Silat section was Awang Haji Yassin bin Haji Ahmad and third was Awang Isa bin Sabtu.

In the Kuntau section, Awang Daud bin Ajak was second and Pengiran Tajuddin bin Pengiran Mohammad Salleh third.

The champions received free return air tickets from Brunei to Singapore in addition to oscars and challenge trophies.

The Chairman of the Bandar Seri Begawan Municipal Board, Awang Chuchu bin Dato Panglima Asgar Datu Haji Abdullah presented the prizes to the winners.

Similar competitons were held the following Sunday at the Pantai Seri Kenangan and Civic Centre in the Tutong and Belait districts respectively.

The competition at the Pantai Seri Kenangan had fifteen exponents of the arts contesting for the right to represent the district.

The results were: Silat section — Capt Pg Haji Jaluddin Pg Mustaffa was first, Awang Isa bin Sabtu second and Awang Tujoh bin Ahmad third.

In the Kuntau section, first was Awang Suhaili bin Ahmad, second was Awang Omar bin Idris and third was Awang Bujang bin Angkis.

The winners received cash prizes and challenge trophies.

The Tutong Assistant District Officer, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim declared the competition open while the Ketua of Kampong Keriam Awang Metali bin Orang Kaya Jaya Putra Haji Talip presented the prizes.

In the Belait District, eleven exponents of the arts — five in the Silat section and six in Kuntau section — took part in the competition.

The Silat section was won by Awang Ibrahim bin Tahir and the Kuntau section by Awang Abdul Rahman bin Timbang.

Second in the Silat section was Awang Abdul Rahman bin Timbang and third was Awang Manshor bin Insang.

In the Kuntau section, Awg Hamzah bin Abdullah was second and Awg Mohammad bin Tassim third.

The champions received returned air tickets from Brunei to Singapore donated by Abdul Samad & Sons Company and Sharikat Matahari in addition to challenge trophies given by the Belait Assistant District Officer Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu and Ibrahim Momin, and oscars by the Birthday Celebrations Executive Committee.

The second and third placed winners received trophies and cash while the rest of the participants received consolation prizes.

The prizes were presented by the District Officer Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar.

Earlier speeches were given by the Chairman of the Organising Committee, Pengiran Mohammad Said bin Pengiran Ahmad, who is also the Penghulu of Mukim Belait, and the OCPD Belait, Dato Paduka Mustapha bin Ahmad.



The champion in the Kuntau section, Awang Haji Suhaili (right) receiving his prizes from Awang Chuchu.

## Passing out parade

BANDAR SERI BEGAWAN. — A passing out parade of seventy-eight recruits of the Royal Brunei Malay Regiment was held last Friday at the Bolkiah Camp training centre near here.

The recruits had just completed six months of training.

The Belait District Officer, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar took the salute and inspected a guard of honour.

Dato Haji Abdullah also presented awards to the best all round recruit Narawi bin Haji Omarali; the best HK13 marksman Meris bin Liram; the best M16 marksman Batong bin Kading; best recruit in physical training Abdul Latif bin Hussin; and best instructor Corporal Dulamit bin Burut.

Among those who witnessed the parade were the Deputy Commander of the Royal Brunei Malay Regiment, Lieutenant Colonel Bowden and other senior officers of the regiment.

Three of the recruits were made officer cadets. They are Meris bin Liram, Haji Said bin Haji Puteh and Johar bin Haji Mohammad.

Officer Cadet Haji Said will leave for the United Kingdom on July 15 to undergo a six-month training course at the Sandhurst Military College while Officer Cadets Meris and Johar will leave for Singapore on July 23 to attend a nine-month course at the Singapore Air Force Training Institute.

## Another RBMR ship launched

BANDAR SERI BEGAWAN. — The wife of Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lieutenant Colonel Pengiran Ibnu, Datin Pengiran Zubaidah, last Thursday launched a new patrol boat for the Royal Brunei Malay Regiment at a ceremony held at the Vosper Thoneycroft shipyard in Singapore.

The boat, named the KDB SETRIA, is the third built by the same shipyard.

The other two are the KDB WASPADA and KDB PEJUANG which were launched in April last year.

The KDB WASPADA is expected to arrive in Brunei shortly after undergoing a series of tests.

## CAR DEALERS WARNED

BANDAR SERI BEGAWAN. — Car dealers in the State have been warned against selling their products at exorbitant prices.

The warning was contained in a statement issued last week by the Price Controller, Dayang Hajjah Jusnani binte Haji Lawie who said that action would be taken against dealers who raised their prices without government approval.

Dayang Hajjah Jusnani also ordered that dealers display the asking price of each item clearly stating the sum that would be required for registration, road tax and insurance on the car.

Three weeks ago Dayang Hajjah Jusnani issued a similar warning to dealers in television sets and spare parts.



The Freda Pengiran Radin Kindergarten at Jalan Dato Ibrahim in the capital last week donated a sum of $150.00 to the orphanage fund of the Welfare Youth and Sports Department.

The money was handed over by Dayang Faridah Radin to the Chief Welfare Officer, Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris.

Datin Zahrah is seen at right receiving the money from Dayang Faridah.

On the left is Dayangku Mayfazura binte Pengiran Radin.

## BSP donates amplier to mosque

TUTONG.—The Brunei Shell Petroleum Company last Friday donated a set of amplier to the Penanjong Mosque.

The equipment worth about a thousand dollars was presented by BSP's Assistant Public Relations Officer, Awang Shariff bin Haji Naweh, to the Chairman of the Mosque Committee, Awang Hassan bin Tunggal.

Brunei Shell donated a similar equipment to the mosque in 1961.

## RBMR to provide special training to youths

BERAKAS. — The Royal Brunei Malay Regiment is to provide a special training to youths interested in an army career.

The first intake of thirty students aged between fifteen and sixteen will begin the training in January next year.

They will undergo a three-year training in leadership and basic military skills as well as prepare for examinations at Ordinary Level.

At the end of the training, those with outstanding academic performance will be allowed to continue their studies up to university level and the rest will begin a military career.

## Fire victim receives two more donations amounting to $1,010

BANDAR SERI BEGAWAN. — A widow, Dayang Zaleha binte Tengah, whose house in Kampong Delima Satu was gutted by a fire last month, received two more donations last week.

The first donation consisting of a sum of $510 and some clothings came from the staff of the Medical and Health Department and was handed to her personally by Awang Maidin bin Iring at the departmental headquarters here.

The second donation was a sum of $500.00 which was contributed by the staff and students of the Berakas English School.

The Principal of the school, Awang Adnan bin Buntar handed over the money to Awang Ali bin Piut who received it on behalf of Dayang Zaleha.

Awang Adnan said the money was purposely collected to train the students to be always sympathetic and helpful towards those in difficulty.




Awang Adnan (left) presenting the money to Awang Ali who received it for Dayang Zaleha.




Menchabul kehormatan gadis:

# PAKAIAN MENDEDAHKAN MERUPAKAN SALAH SATU PUNCHA

**Dalam akhbar Pelita Brunei keluaran 8hb. Rejab, 1398 bersamaan 14hb. Jun, 1978 terdapat sa-buah kenyataan pehak pulis, yang antara lain menekankan kebimbangan-nya berhubong dengan kejadian2 menchabul kehormatan anak2 gadis di-negeri ini ada-lah semakin bertambah dan menjadi2.**

Yang Amat Mulia Pesurohjaya Pulis dalam kenyataan itu telah menarek perhatian orang ramai, bahawa kebanyakan dari kes2 yang di-laporkan ada-lah akibat dari kechuaian ibu-bapa yang membenarkan anak2 gadis mereka keluar rumah sa-hingga larut2 malam. Di-samping kemurahan hati anak2 gadis itu sendiri yang dengan mudah menerima pelawaan2 untok naik kereta daripada orang2 yang tidak atau pun yang baharu sahaja mereka kenali. Yang Amat Mulia Pesurohjaya Pulis juga akhir-nya memberikan beberapa nasehat, yang antara-nya ia-lah: Supaya anak2 gadis jangan sekali2 menerima sebarang pelawaan kechuali daripada saudara mara mereka, jangan berchakap2 dengan orang2 yang tidak di-kenali atau berchampor gaul dengan orang ramai di-luar panggong2 wayang atau tempat2 umom. Dan juga supaya mereka jangan memakai pakaian yang mendedahkan tuboh badan yang menarek perhatian kaum lelaki.

Umat Islam di-negeri ini wajib-lah memandang berat kapada perkara ini. Sebab kita perchaya, kejadian2 yang di-sebutkan dalam kenyataan pulis itu kebanyakan-nya berlaku ka-atas gadis2 Islam. Hal ini sunggoh2 menyinggong kehormatan ugama kita yang suchi. Ugama Islam bukan-lah baru mengharamkan pergaulan bebas, bersenda gurau dengan laki2 yang halal nikah dan berpakaian yang mendedahkan tuboh badan atau aurat. Islam sudah pun menyukat akibat2-nya dari perbuatan2 serupa itu. Ugama Islam bukan-lah undang2 chiptaan manusia, bukan di-buat oleh Nabi Muhammad, tetapi Ugama Islam ia-lah shariat daripada Allah yang ampunya ugama, Allah yang ampunya undang2 atau peratoran. Dan setiap peratoran Allah yang berupa surohan atau tegahan itu telah di-sediakan chukop dengan hikmat-nya, semata2 untok kebaikan manusia, bukan untok kemudharatan.

Tetapi seribu kali sayang, kita manusia terus juga berdegil membantah, engkar dan berani melanggar peratoran2 Allah itu. Akibat-nya kita juga yang binasa, binasa di-dunia dan lebeh2 lagi akan lebeh merana di-akhirat kelak.

Di-dalam perkara pakaian, orang2 perempuan-lah nampak-nya yang sangat2 berani melanggar hukum Allah Ta'ala. Dari nipis kapada ketat, dari ketat kapada terbuka dan daripada terbuka kapada saparoh bogel atau telanjang. Pada hal sudah bukan rahsia lagi hukum Allah mengenai pakaian itu.

Dalam petua Mufti Kerajaan Brunei bilangan (33) — (40) dalam M.K.B. 2/1977 ada menyebutkan dengan panjang lebar berkenaan dengan soal pakaian ini, dengan dalil2 yang terang dari ayat Al-Kor'an dan hadith2 Nabi. Kita tidak-lah dapat menyebutkan di-sini satu perkara isi petua itu dengan dalil2-nya sekali, sebab terlalu panjang, chuma kita sebutkan antara-nya dengan rengkas bahawa: Pakaian yang di-pakai oleh perempuan, ketika di-hadapan laki2 yang hilat yang halal nikah atau (pada masa) keluar rumah, wajib-lah pakaian2 itu menurut sharat2 saperti di-bawah ini:

1. Hendak-lah menutop segala badan dan kepala dan rambut perempuan, melainkan muka dan dua tapak tangan-nya, ia-itu dengan dalil ijma' sahabat2 dan ijma' umat Islam. Dan berkata Al-Imam Ibnu Hajar, bahawa ada-lah dosa besar yang ke74 mendedahkan aurat dengan tiada apa2 sebab yang dharurat (berhajat sangat2).

2. Hendak-lah pakaian perempuan itu tebal, tiada nampak warna kulit dari chelah2 baju itu. Antara dalil ia-lah sa-buah hadith riwayat Abu Daud daripada Saidatuna Aisah, bahawa kakak-nya Saidatuna Asma' mengadap Rasulullah dan di-atas badan-nya pakaian nipis. Maka Rasulullah s.a.w. berpaling daripada-nya dan bersabda yang erti-nya kira2: *"Wahai Asma' bahawasa-nya sa-orang perempuan apabila ia telah sampai masa haid (baligh), maka tiada boleh di-lihat daripada-nya melainkan ini, dan Rasulullah mengisharatkan pada muka dan dua tapak tangan.*

3. Hendak-lah pakaian perempuan itu luas, tiada sempit yang menampakkan segi2 dan tambun (bentok) badan. Kerana apabila ia membangkitkan shahwat dan membawa pada fitnah dengan sempit atau ketat itu, ada-lah haram dan dosa besar, sa-bagaimana di-fahamkan dari perkataan2 Al-Imam Al-Zahabi dan Ibnu Hajar.

4. Jangan pakaian itu menyerupai pakaian2 laki2, kerana menyerupai perempuan akan laki2 dan sa-balek-nya, ada-lah hukum-nya dosa besar.

Demikian-lah wahai kaum muslimin, antara lain yang kita petik daripada petua Mufti Brunei, dan di-samping yang empat itu, ada lagi yang lain2 yang boleh kita rujok dari naskah asal-nya. Mudah2an dengan ini, akan dapat mendatangkan keinsafan dan petunjok kapada kita. Masa-nya sudah tiba untok kita balek ka-pangkal jalan, kerana akibat dari sesat di-tengah2 atau di-hujong jalan, maka pahit dan getir-nya telah mula kita rasakan sekarang, dan itu sesunggoh-nya baru-lah pahit di-dunia, apatah lagi pahit di-negeri akhirat, Allah sahaja yang maha mengetahui.





# Pertandingan Nashid

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak sa-puloh buah kumpolan nashid yang terpileh di-perengkat daerah masing2 akan menyertai peraduan nashid perengkat negeri yang akan di-adakan pada malam Ahad, 2hb Julai depan.

Peraduan yang akan di-langsongkan di-Dewan Raya di-sini akan di-siarkan sa-chara terus menerus melalui Radio dan Talivishen pada malam itu mulai jam 8.30 malam atas anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan kerjasama RTB.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan Brunei di-jangka akan merasmikan peraduan itu yang di-selajurkan dengan sambutan Isra' dan Me'raj tahun ini.

Sa-banyak empat pasokan telah di-pileh bagi mewakili Daerah Brunei dan Muara termasok dua pasokan perempuan. Pasokan2 itu ia-lah: Pasokan Bomba (gambar atas kiri), Pasokan Kelas Dewasa Kor'an JKR, Kumpolan Pandu Puteri Pertama Brunei dan Pasokan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Kedua2 pasokan lelaki dan perempuan dari Kumpolan Nashid Noorul Huda JKR, (gambar atas kanan) Kuala Belait pula akan mewakili Daerah Belait, manakala Daerah Tutong akan di-wakili oleh pasokan lelaki dan perempuan dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, dan dari Daerah Temburong, Pasokan Nashid Persatuan Pemuda Pemudi Melayu Temburong akan mewakili bahagian lelaki sementara Persatuan Perkumpolan Perempuan (WI) chawangan Temburong akan mewakili bahagian perempuan.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28hb Jun, 1978 hingga ka-hari Selasa 4hb Julai, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 29hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 30hb Jun | 12.29 | 3.49 | 6.40 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 1hb Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.11 |
| 2hb Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.11 |
| 3hb Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.11 |
| 4hb Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.11 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Memelok Islam

DUA orang lagi memelok ugama Islam di-negeri ini. Mereka masing2 telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin, Pembantu Pegawai Perkembangan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Taugau anak Empadi, 27 tahun, kini di-kenali sa-bagai Mohd Amin bin Abdullah. Ia berasal dari Kanowit, Sarawak dan memelok ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri pada 14hb Jun lepas.

Manakala pada 10hb Jun di-tempat yang sama, Edward anak Ngalang, 28 tahun telah menukar nama ka-dalam Islam sa-bagai Mohd Aidi bin Abdullah.



**Mohd Aidi (kiri) dan Mohd Amin (kanan)**




**KURSUS Sembahyang Mayat yang sedang berjalan di-negeri ini di-laratkan lagi ka-Kampong Ayer, yang mana telah di-adakan di-Kampong Lorong Dalam, Bandar Seri Begawan mulai 9hb Jun lepas.**

**Kursus ini ada-lah di-bawah kelolaan Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.**

**Kelihatan dalam gambar atas, Awang Haji Abdul Aziz sedang beruchap kapada peserta di-majlis kursus itu.**

# SENI-LUKIS DI-AJARKAN HINGGA KA-PERENGKAT LANJUTAN

SUNGAI HANCHING.—Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran sentiasa melaksanakan peranan penting dalam memupok, mengasoh dan menggalakkan murid2 ka-arah kemajuan bidang seni-lukis.



Awg. Haji Hamdani bin Haji Abd. Rahman, Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pelajaran ketika beruchap merasmikan Pameran „Seni-lukis dan Pertukangan-tangan bagi Sekolah2 Persediaan Inggeris Daerah Brunei/Muara dan Temburong pada 11hb Jun yang baru lalu menyatakan, dari sekolah2 rendah membawa ka-perengkat menengah mata-pelajaran lukisan ada-lah di-ajarkan sa-hingga menchapai perengkat lanjutan.

Kata-nya, mata-pelajaran lukisan bukan-lah merupakan beneh yang semata2 untok membuahkan pelukis dalam erti-kata pelukis dalam pemandangan, potret, poster, katun dan lain2, tetapi juga membolehkan mereka menjadi peranchang gerafik, pembuat peta, pelukis kulit buku atau kulit barang2 jualan di-samping menyediakan diri mereka menjadi akitek dan jurutera2 tertentu.



SA-BAHAGIAN lagi (gambar atas dan bawah) dari lukisan2 dan archa serta kerja-tangan yang lain yang di-pamerkan diperaduan hari itu sedang di-saksikan.

Menyatakan tujuan di-adakan pameran sa-umpama itu, Awg. Haji Hamdani menambah kata, ia-nya antara lain bertujuan untok menilai atau mengukor sa-suatu karya yang telah di-hasilkan di-samping mengketengahkan dan menunjokkan kapada orang ramai sa-bagai kebanggaan kapada pelukis berkenaan.

Bagaimana pun Awg Haji Hamdani berkata lagi, biarpun alam seni-lukis dinegeri ini maseh di-perengkat awal dan tidak ada sa-suatu karya yang hendak kita ketengahkan di-perengkat antarabangsa lebeh2 lagi kita tidak ada suatu karya yang telah di-hasilkan di-zaman silam, namun ini bukan bererti masharakat kita tidak punya kebolehan dan kepandaian.

"Tetapi apa yang jelas bahawa nenek moyang kita telah menunjokkan yang mereka mampu menghasilkan pertukangan-tangan dan corak bentok yang dapat kita buktikan sekarang ini dalam bertenun kain jong-sarat, membuat saujadah, membuat alat perkakas daripada perak, tembaga dan kayu yang mana terdapat chorak2 dengan kurai2, bunga2 awan larat dan lain2", jelas Awg. Haji Hamdani.

Untok itu Awg. Haji Hamdani mengingatkan, ibu-bapa dan guru2 mestilah melorongkan bakat dan kechenderongan sa-seorang kanak2 itu dengan menanamkan minat yang sunggoh2 ka-arah bakat-nya sambil melahirkan fahaman bahawa kanak2 itu akan menjadi orang yang terkenal dalam alam seni-lukis.

Peraduan pameran hari itu telah di-sertai oleh 20 buah Sekolah Persediaan Inggeris di-Daerah Brunei/Muara dan Temburong dan telah di-langsongkan di-Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh di-sini dengan di-menangi oleh SPI. Anggerek Desa, manakala SPI. Haji Tarif dan SPI. Dato Godam, kedua2-nya memenangi tempat kedua.

Awg. Haji Hamdani telah juga menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 di-peraduan yang juga di-serikan dengan persembahan tarian dan hadhrah dari murid2 pagi itu.

Terdahulu dari itu, pameran yang sama juga bagi Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Belait telah di-adakan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada Sabtu, 10hb. Jun dan di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Pg. Omar bin Pg. Sabtu.

Pameran tersebut telah di-sertai oleh 15 buah sekolah rendah dengan di-menangi oleh Sekolah Melayu Muhammad Alam, tempat kedua, Sekolah Melayu OKPB. Bukit Sawat dan tempat ketiga, Sekolah Melayu Rempayoh.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Malai Haji Yahya bin Malai Haji Damit, Penghulu Mukim Seria sementara oskar rebutan telah di-sampaikan oleh YB. Pehin Datu Singamanteri, Awg. Arif bin Mujun.




# Peraduan bahas sekolah2

BANDAR SERI BEGAWAN.—Bahagian Latehan Kesenian kini sedang menyusun jadual Peraduan Bahas Sekolah2 Persediaan Inggeris bagi tahun 1978 yang akan di-mulakan pada 18hb Julai depan.

Peraduan itu akan di-langsongkan di-tiga belas buah pusat peraduan dan akan di-sertai oleh 26 buah Sekolah Persediaan Inggeris seluroh negeri, bagi pusingan awal.

Tiap2 sekolah yang menyertai peraduan itu akan menghantar dua pasokan di-mana tiap2 pasokan terdiri dari tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan.

Sementara itu bagi peraduan yang sama di-perengkat menengah dan maktab bagi kali kedelapan, peraduan akan di-jalankan dalam dua bahasa (Inggeris dan Melayu) dan akan di-sertai oleh dua kumpolan; kumpolan menengah bawah dan kumpolan menengah atas.

Peserta2 yang akan menyertai peraduan itu hendak-lah terdiri dari bahagian lelaki dan bahagian perempuan dan tiap2 sekolah yang ingin menyertai peraduan itu hendak-lah menyediakan empat orang peserta bagi tiap2 bahagian.

## KURSUS SENI MUZIK

Di-samping itu sa-ramai 29 orang guru dari Sekolah2 Rendah, SPI, menengah dan maktab seluroh negeri akan menyertai Kursus Seni Muzik kali kelima yang di-anjorkan oleh Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran.

Kursus itu telah bermula pada 26hb. Jun dan akan berakhir pada 13hb. Julai depan kechuali hari2 kelepasan, bertempat di-Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria.



# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivshen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 28HB. JUN,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ENCYCLOPAEDIA BRITANNICA "Fire : The Savage Flame" Program minggu ini mengesahkan tentang api.
6.28 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — "Sissy's Climb"
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HAWAII FIVE O —
7.52 AZAN ISHA
7.56 HAWAII FIVE O — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.00 BEWITCHED "Business Italian Style"
9.30 CELEBRITY CONCERT — "Jack Jones"
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 29HB. JUN,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.30 THE SECRET OF ISIS
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 THE SECRET OF ISIS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE OREGON TRAIL — "Hard Ride Home" — Episode terakhir. William, anak kapada Evan Thorpe mengambil sa-buah kubor keramat bagi melindongi orang2-nya daripada di-serang oleh orang Indian.
7.52 AZAN ISHA
7.56 THE OREGON TRAIL — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 TAYANG FILEM MELAYU
11.00 DOKUMENTARI MELAYU : Jiran Kita Di-Asia Australia — "The Athletes". — Siri terakhir bagi program ini.
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 30HB. JUN,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Hutan"
5.30 HERE COMES MUMFIE — "Under the Rainbow"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.30 EXPLORE THAILAND — The South
6.40 AZAN MAGHRIB
6.44 EXPLORE THAILAND — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DONNY AND MARIE OSMOND SHOW
7.52 AZAN ISHA
7.56 DONNY AND MARIE OSMOND — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE WATER MARGIN — Episode kesepuloh Sun Chiang di-seksa terok oleh Huang Wen Ping, Tai Sung memujok hakim untok mengaku bahawa dia menjatohkan kesalahan (hukuman) ka-atas-nya dan ini ada-lah untok memberi peluang bagi Lin Chung menyelamatkannya.
9.50 THE GOOD LIFE — "Mr Fix It" Apabila di-lihat kedua (goods) menjadi mashor, Jerry mula berfikir.
10.30 MYSTERY MOVIE — Quincy "Fight Cityhall . . . . To The Death".
12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 1HB. JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Hide and Seek"
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STARSKY AND HUTCH — "The Set Up" — Bahagian kedua.
7.52 AZAN ISHA
7.56 STARSKY AND HUTCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 DALAM KENANGAN
9.00 STARS ON ICE 30 minit bagi penunton menyaksikan pertunjokkan atas ais dengan artis2 jemputan yang berbakat dan elok menarek hati awda.
9.30 GERMAN SOCCER
10.20 TAYANGAN MALAM SABTU — "Don't Push I'll Charge When I'm Ready" Kita akan mengetahui tentang kehidupan askar2 — dan kadang2 mereka juga menekmati kegembiraan.
11.50 SIARAN TAMAT.



Tayangan gambar minggu ini ia-lah sa-buah komidi. Saksikan-lah chara penghidupan dalam tentera pada hari Sabtu jam 10.20 malam. Gambar atas menunjokkan salah satu adigan dalam filem tersebut.

## AHAD — 2HB. JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Gunong"
5.30 THE MAGIC BALL — "The Story of the Mountie"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Crankenshaft's Monster"
6.28 THE PARTRIDGE FAMILY — "Don't Bring your Guns to Town, Santa". Bas keluarga Partridge telah rosak di-sa-buah bandar Ghost tetapi mereka bergembira kerana menyambut Christmas di-situ.
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIX MILLION DOLLAR MAN — "The Lost Island" — Bahagian pertama.
7.52 AZAN ISHA
7.56 SIX MILLION DOLLAR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SAMBUTAN ISRA ME'RAJ
10.30 ROOTS — Episode ketujoh. Dua tahun telah berlalu. Pemuda George balek menemui keluarga-nya, menyilaukan mata abdi2 dengan baju-nya dan cherita-nya berkenaan England.
11.30 THAT'S HOLLYWOOD
12.00 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 3HB. JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — Siri pertama dan baru mengenai kehidupan keluarga Ingalls di-Kansas Plain dalam tahun 1880.
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.52 AZAN ISHA
7.56 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SERIKANDI
9.00 ARENA SOKAN : Kejohanan Badminton Terbuka Perengkat Akhir.
9.45 FEATHER AND FATHER — "Never Con a Killer" Siri baru yang di-bintangi oleh Stefanie Powers sa-bagai Feather, sa-orang peguam yang berjaya, dan yang menarek hati dalam siri ini masaalah bapa-nya — sa-orang bekas penipu (yang di-bintangi oleh Harold Gould).
11.15 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 4HB. JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA





Keluarga Ingalls di-hadapan "The Little House on the Prairie" (kanan). Luara Ingalls dengan Kezia Horn, sa-orang pengembara tua yang chuba untok tinggal di-Walnut Grove.

## THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE

**SIRI ini kembali menemui para penunton yang akan di-mulakan pada hari Isnin 3hb Julai jam 6.02 petang. Siri ini mengesahkan tentang keluarga Ingalls dan memperlihatkan penghidupan mereka di-Kansas Plains pada tahun 1880an. Penghidupan di-waktu itu penoh dengan kesengsaraan dan kekechewaan, tetapi keluarga Ingalls ini dapat terus menghadapinya dengan jaya-nya.**

**Charles Inggalls sa-bagai bapa, meneruskan chita2-nya mengerjakan sa-buah kebun yang biasa, dengan kesunggohan hati. Isteri-nya, Caroline sa-orang yang sensitif dan penoh sa-fahaman. Ia menyedari betapa suami-nya serta tiga orang anak perempuan — Mary, Luara dan Carrie — memerlukan bantuan-nya.**

**Dalam episode pertama siri ini dengan tajok "Castoffs", sa-orang perempuan tua yang kerap mengembara berhajat untok tinggal di-bandar Walnut Grove, tetapi mendapati rakan2nya merupakan kanak2 sahaja.**

6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 SESAME STREET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAN FROM ATLANTIS — "Giant". Berjuta2 gelen ayer laut telah lenyap dari laut2. Mark, di-kehendakki menyiasat keadaan dalam tanah yang kachau, dan di-dapati-nya sa-orang lelaki yang hampir mati.
7.52 AZAN ISHA
7.56 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 BARETTA — "Death on the Run" Sa-orang pelarian yang membawa senjata dan mempunyai sa-jenis penyakit berjangkit telah masok ka-dalam negeri dan apabila Baretta dapat menangkap-nya, dia di-kurong (karantin) dalam masa 48 jam.
9.50 ENTERTAINERS ON TOUR Freddy Quinn — Germany
10.20 DOKUMENTARI MELAYU : National Geographic : WIND RAIDERS OF THE SAKARA.
11.10 SIARAN TAMAT.

# "DALAM KENANGAN"

SATU siri dokumentari baru yang berjodolkan "Dalam Kenangan" akan di-siarkan pada 1hb Julai jam 8.30 malam. Siri baru ini akan membawa kita kapada detik2 awal perkembangan dan kemajuan negara Brunei dalam berbagai bidang yang penting sa-lepas perang Dunia Kedua.



Dalam siri pertama ini, para penunton akan di-bawa bersama2 di-dalam satu perjalanan dari Bandar Seri Begawan ka-Seria dengan mengikuti jalan lama. Ia-itu mengikuti jalan pasir dan menaiki 'bantun'.

Dalam perjalanan, para penunton akan di-bawa mengikuti cherita2 kampong tentang keadaan kampong2 sa-belum dan sasudah jalan di-bena. Penunton juga akan mengikuti pengalaman2 pengguna2 jalan raya di-ketika itu.

Gambar kiri menunjokkan "Dalam kenangan" mengingatkan kita kembali ka-zaman silam. Pengguna2 jalan raya dari Bandar Seri Begawan ka-Seria kelihatan hendak menaiki 'bantun' untok membolehkan mereka meneruskan perjalanan ka-Daerah Belait.

# LAPAN BUAH RANCHANGAN BARU

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei akan memperkenalkan lagi lapan buah ranchangan baru untok di-siarkan mulai bulan depan.

Ranchangan2 yang akan di-perkenalkan itu nanti ia-lah:

SIRI MUKKADDAM — Sabuah ranchangan Ugama, yang bertujuan untok memimpin kanak2 mempelajari bachaan dan mengenali huruf2 yang terkandong dalam kitab Mukkaddam, dari huruf *ALIP* . . . BA . . . TA dan seterus-nya hingga ka-akhir surah yang terkandong dalam kitab tersebut. Ranchangan 15 minit ini, akan di-siarkan sekali sa-minggu dan akan di-terbitkan oleh Ramlee Haji Mohd Said.

LIPUTAN EXPRESS RADIO — Ranchangan $\frac{1}{2}$ jam ini, akan membawa pendengar untok mengikuti hasil rakaman yang di-buat dan berlaku pada hari2 JUMAAT dan AHAD, dan di-siarkan juga pada hari yang sama. Tujuan-nya selain daripada 'HARIAN RADIO" ia-lah untok menyiarkan uchapan2 dan rakaman2 yang di-buat itu dengan sachepat mungkin supaya tidak basi. Ranchangan hanya akan di-terbitkan pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad sahaja, dan ulangan-nya pada pagi berikut-nya.

BRUNEI GRADUATES — Ranchangan 30 minit ini akan memperkenalkan 'personalities' pemegang2 ijazah di-Brunei yang terdiri dari anak2 tempatan yang sudah pun memegang jawatan2 tinggi Kerajaan DYMM. Mereka akan di-kunjongi oleh penerbit bagi mengetahui bagaimana rahsia kejayaan mereka dalam satu2 jurusan bagi mendapatkan ijazah tersebut. Kemudian mereka menghabiskan masa lapang mereka, dan meninjau pendapat mereka mengenai dengan perkembangan Negeri Brunei. Ranchangan ini akan di-siarkan sa-minggu sekali.

RUANGAN KETANI—Ranchangan perbualan 'Chakap Brunei' ini, di-chadangkan 15 minit sahaja. Peserta2 yang akan mengambil bahagian terdiri dari kaum wanita sahaja. Mereka akan berchakap mengenai dengan 'Topics' sa-masa di-segi kehidupan wanita di-Brunei di-segi pelajaran, pakaian, soal2 kemasharakatan dan ekonomi rumah tangga. Ranchangan ini akan di-siarkan sekali sa-minggu.

MENGENANG ZAMAN SILAM: Ranchangan ini akan mengemukakan peristiwa2 zaman silam yang pernah di-alami dan di-rasai oleh sa-seorang atau tetamu yang akan menjadi tetamu undangan ranchangan ini. Penerbit-nya akan menghubongi orang2 yang boleh bercherita peristiwa yang di-maksudkan. Ranchangan 15 minit ini di-terbitkan oleh Bahmin Hamdin.

MASTIKA RADIO — Sabuah ranchangan hiboran 30 minit yang merupakan sa-buah Majallah. Kandongan-nya antara lain akan menyampaikan berita yang terdapat dalam suasana alam sekitar baik di-dalam mahu pun di-luar negeri. Ranchangan ini akan meninjau di-segi perkembangan sains dan teknoloji dan perkara2 yang menjadi tajok2 berita di-sana sini. Ranchangan ini akan di-terbitkan oleh Abdul Manaf Adam.

SA-MINGGU DALAM KENANGAN — Ranchangan ini akan di-isikan dengan membentangkan peristiwa2 dalam dan luar negeri yang mengambil tempat dalam masa saminggu yang berlalu. Ranchangan sa-lama 30 minit ini di-terbitkan oleh Manaf Adam.

USAHA JAYA — Ranchangan ini akan mengemukakan 'Tokoh' peniaga di-negeri ini, untok mencheritakan kejayaan satu2 usaha yang di-lakukannya. Dengan yang demikian sedikit sa-banyak akan dapat menjadi perangsang dan ikutan kapada peniaga2 dan pengusaha2 yang akan tumboh dan berkembang, dalam bidang2 yang tertentu. Ranchangan ini akan di-terbitkan oleh Yusof Marsal.

Ranchangan2 tersebut akan di-siarkan mulai 1hb Julai, 1978. Di-samping itu ranchangan2 'Komintar Radio', 'Menuntut Di-Great Britain', 'Penyanyi Pujaan Minggu Ini', dan Sha'ir Brunei juga di-siarkan mulai bulan depan.












GAMBAR atas menunjokkan hadiah2 untok pemenang2 Peraduan Serikandi sumbangan dari Overseas Agency Limited.

DAYANG Lavleen Gill menunjokkan bagaimana chara membuat "Copper Tooling" (bawah).



# Ranchangan Serikandi

ANTARA isi kandongan ranchangan Serikandi minggu ini ia-lah temuramah wakil Serikandi dengan sa-orang pemberita Tunggal Wanita yang bertugas di-Bilek Berita Radio Talivishen Brunei ia-itu Dayang Manah Mohd Noor.

Ruangan Seni minggu ini pula memperlihatkan bagaimana chekap-nya wanita dengan kebolehan mereka dalam Pertukangan Tangan "Copper Tooling" yang akan di-perlihatkan oleh Dayang Lavleen Gill. Di-akhir ranchangan ini, saperti biasa Serikandi akan menghidangkan resepi-nya yang bernama "Beef-steak Chendawan".

Berikut ia-lah bahan2 dan chara2 memasak "Beef-steak Chendawan."

BAHAN2-NYA

- 1 kati daging di-potong lebar2 3 inchi di-ketak2, chuchi berseh.
- 3 sudu ketumbar biji di-tumbok halus
- 4 biji lada hitam di-tumbok halus
- 8 biji bawang merah di-tumbok halus
- 10 biji bawang puteh di-tumbok halus
- 3 inchi halia di-tumbok halus
- 2 biji bawang besar di-potong bulat
- 4 biji bawang merah di-mayang dan daun bawang dan daun sop di-potong2
- 10 oz minyak sapi atau margarine
- 1 tin chendawan
- 1 tin kechil tomatos puri
- 3 sudu makan kichap champorkan ka-dalam daging, dan sedikit serbok perasa dan sedikit gula.

KEPALA REMPAH

- 6 kuntum chengkeh
- 6 kuntum pelaga
- 3 inchi kayu manis
- 4 kelupak bunga alawang

CHARA-NYA

Bahan yang di-tumbok tadi champorkan di-dalam daging, peram $\frac{1}{2}$ jam. Jerangkan kuali, apabila panas masokkan Minyak sapi hingga chair dan tumiskan, garam bawang merah, kepala rempah, apabila kuning, masokkan daging dan serbok perasa, gula kachau rata dan tutop hingga ayer keluar minyak masokkan bawang besar, chendawan dan tomatos puri, kachau rata2. Apabila kering taborkan daun sop dan daun bawang dan angkat.

# "The Feather & Father Gang" siri baru komidi

Mulai hari Isnin, 3hb Julai, RTB akan memulakan satu siri baru komidi —pengembaraan "The Feather and Father Gang".

Stefanie Powers berlakun sabagai Feather Danton. Feather sa-orang peguam yang berjaya dan masaalah yang kerap di-hadapi-nya — bukan sahaja kes2 jenayah yang burok — tetapi bapa-nya, Hurry (yang di-lakunkan oleh Harold Gould). Ia ada-lah sa-orang bekas penipu dan sering membantu anak perempuan-nya menyelesaikan bersama kes2 pembunohan dan rompakan. Feather pula terpaksa memperhatikan gerak geri bapa-nya oleh kerana chara2-nya menjalankan penyiasatan begitu ganjil sekali — dan kerap kali dengan chara yang haram!

Gambar bawah, Stefanie Powers dan Harold Gould berlakun sa-bagai Feather Danton dan Harry Danton dalam siri "The Feather and Father Gang".

Beberapa chara penyamaran yang di-gunakan oleh Harry Danton sa-orang bekas penipu yang menjadi penyiasat dalam "Feather and Father Gang" (kiri).









Awang Haji Hamdani, Ketua
swa dan Kesejahteraan, Jaba-
edang memotong pita ketika
duan Pameran Seni-lukis dan
an tersebut, manakala gam-
ran bahagian archa sunggoh
n mereka ini.



YB. Awang Arif bin Mujun kelihatan dalam gambar atas kiri sedang menyampaikan oskar rebutan kapada wakil johan peraduan dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dan atas kanan, wakil pemenang kedua dari Sekolah OK PB. Bukit Sawat. GAMBAR2 sa-belah, dan bawah menunjokkan hasil2 kerjatangan yang berupa archa dan anyaman serta lukisan sedang di-saksikan di-pameran bagi sekolah2 rendah Daerah Belait.














GAMBAR atas menunjokkan sa-bahagian daripada jemputan yang hadhir di-majlis Khatamal Kor'an pada malam itu sementara gambar atas kanan kelihatan nasi kuning sa-gangsa, sireh dan pinang yang tersusun sa-banyak dua gangsa, pachak telor dengan bendera kechil yang berwarna warni dan ayer dalam botol; ada-lah di-antara adat orang tua2 Brunei sa-waktu mera'ikan majlis Khatamal Kor'an.

# DISIPLIN DAN DEDIKASI TERHADAP T-JAWAB YANG DI-AMANAHKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah menjadi hasrat Dewan Bahasa dan Pustaka dan sudah diamalkan untok menjadikan semua pegawai dan kakitangan-nya suatu force atau tenaga pekerja yang mempunyai disiplin serta dedikasi terhadap tanggong-jawab yang diamanahkan kapada mereka.

Sa-bagai sa-buah jabatan Kerajaan yang di-amanahkan dengan tugas2 tertentu, usaha ka-arah penchapaian matalamat pembentokan satu golongan pekerja yang penoh disiplin dan dedikasi akan terus diusahakan kerana tanpa golongan pekerja sa-demikian **rapan2-lah** kita dan anak chuchu kita untok menekmati hasil daripada perbelanjaan beribu2 ringgit yang di-peruntokkan sa-tiap tahun itu.

Ini telah di-tekankan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr ketika menyampaikan uchapan-nya di-majlis Khatamal Kor'an bagi penuntut2 Kelas Kor'an Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah di-pimpin oleh Johan Qari Antarabangsa Awang Haji Mashud bin Awang Haji Damit yang juga pengerusi majlis yang berlangsong di DBP, baru2 ini.

Kata-nya, konsep 'makan gaji' ada-lah suatu konsep zaman **kuratu** dimana tujuan utama bekerja dengan **gamen** adalah untok mendapat gaji sa-tiap bulan. Changkul sana, changkul sini, dan kalau mandor inda ada, changkul buang ka-tepi dan terus membuka **bata**.

Dan bagi pekerja dipejabat pula, terdapat satu ungkapan Inggeris yang khusus kapada mereka iaitu 'pen-pushers' — orang yang manyurong-nyurong pen, orang2 yang membuka fail, orang2 yang ashek memerhatikan jam pulang, orang2 yang inda mau sirit walau sa-minit pun dengan masa pulang bekerja tetapi lambat sajam atau dua naik bekerja inda apa, inda kena potong gaji. Itu ada-lah konsep 'makan gaji', jelas-nya.

Tetapi sekarang, tambah beliau lagi, kita bukan lagi 'makan gaji'; kita ada-lah **kaki** dan **tangan** yang menggerakkan jentera pembangunan yang di-hasratkan oleh Kerajaan dan gaji yang kita terima sa-tiap bulan itu ada-lah upah yang sa-timpal dengan hasil **kerja** yang kita lakukan, bukan-nya upah kehadhiran kita datang kepejabat atau ka-tempat kerja.

"Oleh sebab itu-lah sifat amanah terhadap diri sendiri tidak akan kendor2-nya di-tanamkan kapada kakitangan DBP supaya mereka itu menjadi pekerja2 yang amanah, dedikasi dan berdisiplin. Satu daripada saloran untok menchapai matalamat itu ada-lah dengan mengadakan kelas2 berchorak ugama saperti Al-Kor'an dan Kelas Ugama untok menguatkan lagi akidah mereka terhadap kehidupan berugama yang menganjorkan manusia itu hidup penoh amanah dan disiplin", jelas-nya.

Menurut beliau, sa-lain daripada kelas2 Ugama itu, kelas2 lain juga diadakan saperti Kelas Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa China yang kesemua-nya di-maksudkan untok memperbaiki lagi kedudokan pekerjaan mereka.

Beliau menambah kata, Kelas Dikir yang telah lama di-tubohkan itu telah banyak menarek anak2 muda di-luar DBP dan ini ada-lah satu perkembangan sehat.

"Mengetahui banyak bahasa bermakna membuka pintu ilmu yang terdapat dalam bahasa2 itu dan ini kemudian-nya akan dapat memperkaya ilmu yang terdapat dalam bahasa Melayu", ujar beliau.

Alhamdulillah, jelas beliau, sa-bahagian daripada kakitangan DBP dan juga kakitangan jabatan2 lain telah dapat membacha Al-Kor'an dengan baik dan usaha selanjut-nya ada-lah memahami kandongan Al-Kor'an itu dengan mempelajari bahasa Arab yang kemudahan-nya sudah pun di-sediakan.

Insha Allah dengan tekad yang bulat, chinta yang tegoh terhadap negara dan bangsa, kita dapat membangun negara kita ini. Kalau tidak kita, siapa lagi, tegas beliau.



Pengarah DBP, Awang Mahmud ketika beruchap di-majlis tersebut.

# Peraduan Kebersehan Kampong dan Mukim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan kebersehan Kampong2 dan Mukim2 ada-lah juga salah achara dalam sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32 tahun.

Menurut Pengerusi Peraduan, Awang Chua Kong Seng bahawa peraduan tersebut ada-lah terbuka kapada kampong2 dan mukim2 di-Daerah Brunei/Muara.

Kata-nya pemereksaan kebersehan akan di-jalankan mulai dari 1hb Julai hingga 31hb Ogos, 1978.

Beliau meminta Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya menggalakkan anak2 buah-nya supaya mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Hadiah2 menarek akan di-berikan kapada kampong2 dan mukim2 yang di-pileh sa-bagai terbaik dalam peraduan tersebut.

## PERARAKAN KENAIKAN LAUT

Sementara itu perarakan kenaikan laut juga akan di-adakan sempena sambutan Puja Usia Baginda pada tahun ini. Perarakan tersebut akan diadakan di-sungai Brunei pada 30hb Julai.

Peraduan ini akan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu Bahagian Minyak Tanah dan Bahagian Janakuasa (generator) dan ada-lah terbuka kapada Kampong2, persatuan2 belia, badan2 perniagaan, jabatan2 Kerajaan dan orang2 perseorangan.

Borang2 dan sharat peraduan sekarang boleh di-dapati dari Awang Sulaiman bin Puteh dan Awang Adinin bin Mayalin, Jabatan Kerja Raya, dan borang2 yang telah diisikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb Julai, 1978.

Dari muka 8

nia saperti ini. Dunia yang perlukan segala2. Kini ibu sudah berpindah ka-dalam yang lain. Tambahan pula yang tinggal kini hanya roh ibu. Nah bagaimana roh tahu menggunakan segala-nya itu. Menyimpan harta pada kubor ibu sama-lah membuang harta itu.

"Harta yang bertimbun2 didunia ini tidak sedikit pun dapat di-bawa ka-dalam kubor". Maksud Chegu Ali itu, lebeh jelas lagi ia-lah harta di-dunia ini tidak dapat di-bawa mati. Habis kalau begitu mengapa ibu di-beri segala kemudahan. Segala2 yang ibu perlukan samasa hidup-nya ada di-atas kubor ibu. Apa yang ada. Empat lima tahun lagi, semua-nya itu akan jadi tanah. Habis, apa-lah bekalan sa-masa hidup? Hati-ku. belum puas. Mendengong lagi suara Chegu Ali.

"Hanya amal ibadat saja yang dapat menemani." Aku jadi benar2 serba salah. Sekarang baru-lah aku merasai kepala-ku pusing. Segala2 yang lalu minta di-fikirkan semula. Tapi kini aku sudah jadi kerdil. Aku rasa ini sudah benar2 kechil. Kechil. Apa-kah amal ibadat? Ada-kah ibu-ku beramal ibadat? Semua-nya itu tidak ada pada ibu. Walau satu pun. Kerana yang aku faham yang di-katakan oleh Chegu Ali itu ia-lah beramal ibadat dalam Ugama. Tepatnya, Ugama Islam. Ibu bukan berugama Islam. Ibu tidak tahu apa2 tentang itu semua. Sedikit pun ibu tidak tahu tentang Ugama Islam. Apa lagi kalau beramal ibadat, tentu sekali belum pernah menchium tikar sembahyang. Aku pun hingga kini belum begitu tahu berkenaan dengan Ugama Islam yang di-katakan oleh Chegu Ali ketika-ku tingkatan satu dulu. Aku juga tidak tahu sembahyang. Dan aku juga bukan orang Islam. Aku juga saperti ibu. Bagaimana aku nak menolong ibu.

"Hanya amal ibadat dari anak yang taat kapada Ugama saja dapat menolong ibu bapanya masok ka-shorga." Suara Chegu Ali makin jelas. Suara bertahun2 yang lalu, yang telah ku tinggalkan maseh terdengar di-telinga ku. Beberapa kelohan ku lepaskan. Namun tiada apa jalan yang ku dapati. Segala2-nya bertentangan. Bertentangan bererti tidak sama. Dan erti yang total berbedza. Semua-nya berbedza.

Bagaimana ibu di-akhirat? Benar2-kah ibu saperti apa yang orang kampong-ku tafsirkan? Tidak-kah ibu terseksa? Semua soalan minta jawapan. Jawapan yang di-harap2kan ada-lah bakal penawar hati. Kalau ibu mati dengan keadaannya itu baik bererti kami juga akan sama. Kami adek beradek memang sudah di-asoh supaya tidak jadi jahat. Itu ada-lah cherita lama. Sekarang kami yang sudah dewasa sudah mengerti. Sudah mula mendengar segala nasehat. Sudah menurut segala nasehat. Tapi bagaimana pula kalau kami salah bawa? Jalan yang ibu rentis untok kami itu salah. Sekarang kami bagaimana? Perlukah kami lari dari keadaan yang ada ini. Perlu-kah? Sekarang apa yang di-harapkan ia-lah ka-sejahteraan hidup didunia yang kekal. Tapi charanya belum dapat lagi. Aku maseh jahil. Pun begitu satu2 langkah mula ku susun menchari antara mana yang harus ku lalui. Lari dari takuk yang lama? Atau mengikut terus jalan yang sudah berabad direntis oleh nenek moyang ku. Aku mula melangkah. Aku melangkah hingga segala-nya beres. Segala-nya ada-lah untok ibu. Oh ibu restu-lah anak mu menchari sesuatu yang dikehendaki-nya. Semua-nya adalah untok kau ibu.

# MENUNTUT DI-GREAT BRITAIN

## (Sambongan)

Pengiran Mustapha menulis dari LONDON



SUDAH menjadi kelaziman kapada orang2 Brunei sangkutkan sanak saudara dan teman taulan yang berada di-luar negeri. Apabila di-ketahui ada orang akan belayar perasaan sangkut itu pun timbul. Ada-lah hati untok mengirim, terutama-nya barang makanan. Kiriman tradisional selalu-nya terdiri daripada kueh-mueh, lalap daging, sasagun, liking atau udang berbelah. Akan tetapi akhir2 ini bubok, beras Brunei dan ambulong sudah masok dalam menu kiriman ka-"England".

Membawa kiriman itu besar pahala kerana dapat menyampaikan hajat. Sunggoh pun demikian penuntut2 yang terlibat dalam membawa kiriman itu mesti-lah mengetahui benar2 barang2 yang dibawa itu. Ada-lah merbahaya jika tidak mengetahui barang kiriman itu sebenar-nya, kerana banyak benda2 tegahan yang menjadi kesalahan dibawa masok ka-United Kingdom dan tidak kurang pula yang boleh dikenakan chukai.

Antara barang2 yang menjadi kesalahan di-bawa masok ka-United Kingdom itu ia-lah saperti chandu, ganja, benda2 letopan, tumbohan2 dan lain2. Sunggoh pun belum pernah terjadi barang2 tersebut di-kirim melalui sesiapa dari Brunei, akan tetapi pernah berlaku dinegeri lain. Tujuan saya menimbulkan perkara ini semata2 untok mengingatkan penuntut2 supaya sentiasa waspada terhadap kemungkinan2 yang tidak di-ingini itu akan berlaku.

Sa-lain daripada itu hendak-lah juga di-fahami bahawa untok menyampaikan kiriman itu ada-lah satu perkara tanggongjawab dan ada masaalah-nya. Penuntut2 Brunei yang belajar di-Great Britain itu bukan semua-nya berada di-London. Ada antara-nya dua tiga ratus batu jauh-nya dari London.

Peratoran penerbangan mesti-lah juga di-sedari bahawa had berat barang yang lepas dari kena bayaran ia-lah penumpang kelas satu hingga 30 kg (66 lbs) dan bagi kelas ekonomi hingga 20 kg (44 lbs). Jika barang2 yang di-bawa itu lebeh dari had berat yang di-bolehkan, maka bayaran akan dikenakan sa-banyak £6.50 ($29.00) bagi tiap2 berat 1 kg yang lebeh. Oleh itu barang yang akan di-bawa belayar itu mesti-lah jangan lebeh dari had berat yang di-bolehkan supaya tidak di-kenakan apa2 bayaran.

**Apa yang di-bawa dalam penerbangan?**

Ada-lah mustahak penuntut2 membawa sedia di-tangan perkara2 ini dalam penerbangan:

(a) tiket penerbangan dan kebenaran naik kapal terbang (boarding pass).
(b) passport yang sudah bersijil kebenaran masok ka-United Kingdom.
(c) Sijil suntekan taun dan chachar serta surat laporan kesihatan yang mengakui penuntut ada-lah sehat untok belayar ka-United Kingdom.
(d) surat keterangan yang mengakui penuntut telah di-terima belajar disebuah institiut yang tertentu di-United Kingdom.
(e) surat jaminan tentang perbelanjaan di-United Kingdom atau kad Dermasiswa yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei kapada penuntut2 dermasiswa Kerajaan.
(f) pakaian tebal — jika pergi ka-United Kingdom dalam musim sejok (winter) atau musim buah (Autumn).
(g) wang tunai dalam sterling kira2 sabanyak £40 untok kegunaan serta merta samada dalam perjalanan atau apabila tiba di-London.
(h) barang2 keperluan diri saperti pisau chukor, berus dan ubat gigi serta bedak dan mungkin buku cherita atau majallah. Penerbangan ka-London dari Brunei ia-lah lebeh kurang salama 19 jam dan lebeh lama lagi jika melalui Singapura. Jika melalui Singapura dan terpaksa pula bermalam di-sana hendak-lah di-pastikan tempat tinggal sudah di-uruskan. Sekira-nya mendapat sesuatu kesusahan di-Singapura, saya perchaya Ajensi Kerajaan Brunei di-sana akan bersedia memberi pertolongan yang wajar sekira-nya mereka di-hubongi. Alamat-nya ia-lah P.O.Box 303, 7-A Tanglin Hill, Singapura 10. Tel. No. 643393 atau 642691.

**Apa pula yang di-bawa ka-United Kingdom?**

Sa-lain daripada perkara yang di-sebutkan diatas dan pakaian yang perlu, penuntut ada-lah juga di-nasehatkan untok membawa perkara2 ini:

(a) Sijil2 asal kelulusan akademik, surat2 akuan dan rujokan, surat beranak dan jika penuntut dermasiswa Kerajaan, bawa juga salinan surat Perjanjian Dermasiswa.
(b) Buku2 atau risalah2 mengenai Brunei.
(c) Pakaian Melayu.
(d) Surat-menyurat dari institiut yang akan di-tuju. Selalu-nya penerangan mengenai pendaftaran dan mengenai aspek2 kursus di-kirim kapada penuntut2 yang telah di-terima belajar.
(e) Wang yang akan di-bawa itu hendak-lah di-tukar kapada Sterling. Kechuali wang tunai yang di-perlukan dalam perjalanan, yang lebeh-nya mesti-lah dibawa sa-chara "bank draft". Chara ini lebeh murah dari menukar kapada "traveller's cheques". Apabila sudah sampai di-United Kingdom, boleh-lah membuka kira2 dengan bank yang berdekatan dengan tempat belajar dan simpan-lah bank draft itu dibank yang berkenaan. Traveller's cheques lebeh sesuai untok pelanchong.
(f) Bagi orang Islam elok-lah membawa kitab2 ugama, kompas sa-bagai pedoman kiblat sembahyang dan tikar sembahyang.
(g) Ada kala-nya mustahak mempunyai sa-buah kamera.

BERSAMBONG



Awang Mahadi bin Wasli.

PENULIS renchana ini, Pengiran Mustapha bin Pengiran Metassan akan menamatkan perkhidmatan-nya di-London selaku Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan yang bertanggong-jawab bagi penuntut2 Brunei di-Great Britain, dan di-jangka akan pulang ka-Brunei pada awal bulan Julai ini. Pengiran Mustapha berada di-London dan berpejabat di-bangunan Rumah Brunei di-sana sa-lama kira2 dua tahun.

Tugas2 Pengiran Mustapha di-London akan di-ambil aleh oleh Awang Mahadi bin Wasli yang juga sa-orang Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan di-Jabatan Pelajaran Brunei. Awang Mahadi akan menjalankan perkhidmatannya di-sana dalam tempoh kira2 dua tahun juga.

Beliau telah pun berlepas ka-London pada hari Isnin yang lalu dan merupakan pegawai Brunei yang kedua dalam jawatan yang sama menjalankan tugas2 tersebut.

# Jawatankuasa Persatuan Bekas Penuntut2 Seberang Laut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 14 orang bekas penuntut Brunei di-seberang laut telah di-pileh ka-dalam jawatankuasa Persatuan Bekas Penuntut2 Seberang Laut di-mashuarat agong persatuan itu pada 14hb Mei yang baru lalu bagi tempoh tahun 1978/79.

Persatuan tersebut telah di-tubohkan antara lain bertujuan untok menyatu dan mendampingkan antara satu sama lain bekas penuntut2 Brunei yang pernah menuntut di-luar negeri di-samping mereka berusaha untok berdamping rapat dengan masharakat dalam beberapa perkara2 yang berkebajikan.

Antara yang di-lantek itu ia-lah Awg. Razali bin Haji Omarali sa-bagai Pengerusi; Awg. Azahari Mohd. Ali sa-bagai Setia Usaha; Awg. Yussof bin Haji Abd. Hamid sa-bagai Bendahari Agong.

Sementara Setia Usaha Kebajikan, mashuarat telah melantek Awg. Harun bin Haji Ismail; Setia Usaha Penerangan, Awg. Suyoi bin Osman; Setia Usaha Sosial, Awg. Saji bin Mudin dan Setia Usaha Sokan, Awg. Janin bin Ereh.

Timbalan Setia Usaha Sosial di-serahkan kapada Sheikh Adnan bin Sheikh Mohammad; Timbalan Setia Usaha Sokan, Awg. Kambar bin Haji Damit, manakala lima orang ahli jawatankuasa juga telah di-lantek yang terdiri dari: Pg. Maidin bin Pg. Hashim, Dk. Hajjah Hairani bte Pg. Muda Kahar, Awg. Adnan bin Haji Hanafiah, Awg. Asmadi Ali Mustapha dan Awg. Hepnie bin Haji Abu Hanifah.

# LIMA REKOD BARU DI-CHIPTA DALAM SOKAN SEKOLAH2 MENENGAH ATAS

BELIA DAN SOKAN

BERAKAS. — Sa-banyak lima rekod baru telah di-chipta dalam temasha Sokan Antara Sekolah2 Menengah Atas Sa-Negeri kali ke-12 yang telah berlangsong di-padang Sekolah Inggeris Berakas di-sini Ahad lalu.

Rekod yang pertama telah di-buat oleh Awang Md. Salleh Umar dalam achara lari 5000 meter lelaki. Masa yang di-chipta-nya ia-lah 19 min 4 saat, berbanding dengan 19 min 18.5 saat yang di-buat dalam tahun 1971. Awang Md. Salleh ada-lah peserta yang mewakili Pusat Tingkatan Enam Jalan Muara.

Dalam achara lompat tinggi perempuan pula, Dayang Mahani Lani, juga dari Pusat Tingkatan Enam, telah berjaya membuat lompatan sa-tinggi 1.34 meter. Rekod lama yang di-chipta dalam tahun 1972 ia-lah 1.30 meter.



YAM Pengiran Setia Raja Pg Jaya sedang menyalakan api sokan.

Manakala dalam lompat tinggi lelaki pula, Radin Silang dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong dengan lompatan-nya sa-tinggi 1.79 meter telah beraya memechahkan rekod yang dichipta dalam tahun lalu yang tinggi-nya 1.78 meter.

Sa-lain dari itu, dalam achara lontar lembing lelaki pula, Djaton bin Sukaimi dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong, telah melontar sajauh 48.76 meter, ia-itu 2.66 meter lebeh jauh dari lontaran yang pernah dibuat-nya sendiri pada tahun 1973 ketika mana iatelah berjaya melontar sajauh 46.10 meter.

Rekod yang kelima dichipta oleh Dayang Chai Nguk Len dari Chung Ching dalam achara buang peluru. Buangan-nya ia-lah sa-jauh 9.96 meter berbanding dengan 8.21 meter yang di-buat dalam tahun lalu.

Terdahulu dari itu sokan yang berlangsong pada sebelah pagi dan petang itu telah di-rasmikan oleh Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Lebeh dari 500 penuntut mewakili 20 buah Sekolah2 Menengah Seluroh Negeri telah mengambil bahagian dalam achara yang di-saksikan oleh lebeh dari 2,000 peminat2 sokan itu.

Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Ahmad bin Haji Jumat dan lain2 Pegawai Kanan dari Jabatan Pelajaran ada-lah di-antara jemputan2 khas yang hadhir pada hari tersebut.

*PEMENANG*

Menurut kiraan mata2 kemenangan; perempuan, pertama telah di-menangi oleh Sekolah Inggeris Perdana Wazir dan kedua ia-lah Pusat Tingkatan Enam.

Manakala bahagian lelaki pula, tempat pertama telah di-menangi oleh Pusat Tingkatan Enam dan naib johan-nya pula jatoh kapada Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong.

Johan keselurohan telah di-sandang oleh Pusat Tingkatan Enam, naib johan jatoh kapada Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong manakala tempat ketiga pula ia-lah Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengiran Salmah binte Pengiran Ismail, isteri Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.



Membawa ubor sokan.



Menerima hadiah kemenangan.



Lari 4 x 400 meter.







Kelihatan pasokan, berjalan lalu.

## KEJOHANAN TINJU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Tinju Negeri Brunei akan mengadakan satu perlawanan kejohanan tinju Brunei kali yang ke-16 lewat bulan ini. Perlawanan itu terbuka kapada ahli2 tinju seluroh negeri ini dan akan di-adakan sa-lama 2 hari berturut2, bertempat di-Pusat Belia sini, pada 30hb Jun ini mulai jam 7.30 malam.

Tujuan utama perlawanan tersebut ia-lah untok memileh petinju2 Brunei ka-pertandingan Tinju Antara Tiga Wilayah ia-itu, Brunei, Sabah dan Sarawak yang di-jangka di-langsongkan akhir tahun ini.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari sekarang daripada; Pengiran Haji Mohammad bin Pg Haji Chuchu, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan atau di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dan daripada Awang Ismail Apong, di-Pusat Belia Kuala Belait. Borang2 tersebut hendak-lah dikembalikan tidak lewat dari 28hb Jun ini.

## TENIS ANTARA SEKOLAH2

BERAKAS. — Satu pertandingan tenis antara sekolah2 anjoran Sekolah Inggeris Berakas akan diadakan pada 30hb Jun ini di-gelanggang tenis sekolah tersebut mulai jam 4.00 petang. Ia-nya sabagai salah satu achara sambutan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan tahun ini.

Pertandingan tersebut dijangka akan di-rasmikan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain. Perlawanan perengkat akhir dan seterus-nya penyampaian hadiah2 di-jangka akan di-langsongkan pada 29hb Julai depan.

# KEBAKARAN BESAR DI-BANGAR

TEMBURONG—Peristewa kebakaran yang terbesar pernah berlaku di-Daerah Temburong menambahkan kesebokan daerah itu di-saat ia-nya sedang mengator persiapan untok mera'ikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-32 tahun pada bulan depan.

Kerja2 memberseh kawasan yang terbakar itu sedang di-laksanakan, kerana kawasan tepian Sungai Temburong di-Pekan Bangar itu ada-lah menjadi tumpuan ramai sa-tiap temasha lumba perahu di-jalankan.



HANYA ini saja yang tinggal, sedang pekerja2 sebok membersehkan-nya.

Tempat menjual minyak yang terbakar itu juga ada-lah menjadi nadi utama bagi sa-tiap kenderaan laut dan darat dalam membekalkan berbagai jenis minyak jentera dari ringan hingga-lah kapada jentera2 jenis berat di-daerah yang terpenchil dari ibu negara yang perhubongan pengangkutan hanya boleh di-lakukan melalui sungai.

Pemereksaan2 dari pehak2 yang berkenaan sama ada mengenai puncha kebakaran dan juga untok menentukan jumlah kerugian telah pun di-jalankan yang menurut taksiran-nya maseh tidak berubah dari jumlah kira2 $200,000 itu.

Kebakaran itu berlaku sa-belum menjelang maghrib ia-itu petang hari Isnin, 19hb Jun lepas yang sa-belum itu, Harian Radio yang melaporkan perkembangan harian di-daerah2 seluroh negeri yang di-siarkan pada pukul 5.00 petang pada hari itu memberitakan pendudok2 di-situ amat bershukor kerana Daerah Temburong tidak mengalami kemalangan2 yang terok saperti mana yang di-alami oleh daerah2 lain.

Tersiar-nya berita pertama tentang kebakaran tempat menjual minyak di-Temburong itu mengejutkan kebanyakan orang dan kebanyakan sanak-saudara pendudok2 di-daerah itu yang tinggal di-Bandar Seri Begawan dan lain2 tempat yang berdekatan telah berkunjong segera ka-Pekan Bangar. Bot2 tambang di-Bandar Seri Begawan juga sebok melayani penumpang2 ka-Temburong.

Puncha kebakaran itu berlaku maseh di-perchayai di-sebabkan oleh bekalan letrik di-kapal yang membawa 4,000 gelen minyak petrol untok bekalan di-daerah itu yang di-angkut dari Muara. Kapal itu telah terbakar ketika ia sedang bertambat di-jambatan kechil steshen menjual minyak itu dan api telah merebak ka-steshen dan memusnahkan keselurohan bangunan yang ada di-situ termasok sa-buah setor kechil menyimpan barang2 makanan yang di-punyai oleh sa-orang pekedai di-Bangar. Tiga buah kereta telah turut musnah di-jilat api.

Anggota2 Pulis dan Tentera yang ada di-daerah itu telah bersama2 dengan anggota2 Bomba daerah untok memadam dan mengawal dari merebak ka-bangunan kedai Bangar yang hanya jarak-nya kira2 30 kaki saja dari tempat kebakaran itu. Anggota2 Bomba dari Bandar Seri Begawan juga telah di-kejarkan ka-situ dengan menaiki helikopter AMDB. Bomba laut di-Sungai Lampai juga membantu menchegah kebakaran itu dari merebak. Kebakaran itu telah dapat di-kawal dalam masa kira2 tiga jam, tetapi asap maseh berkepol2 menambahkan kegelapan malam di-sekitar kawasan Bangar.

Tidak kurang dari 10 letupan yang besar telah kedengaran ketika api bermaharaja-lela dan letupan itu ada-lah di-sebabkan tong2 gas yang ada di-situ yang akan di-jual untok bekalan pengguna2 di-daerah itu. Api di-laporkan menjulang sa-tinggi tidak kurang dari 50 kaki ketika minyak di-kapal itu terbakar. Bagaimanapun, tangki bawah-tanah di-steshen itu yang menyimpan kira2 3,000 gelen minyak pertol telah tidak di-rebaki oleh api kebakaran itu. Dua orang anak kapal itu di-laporkan chedera terbakar di-bahagian muka, tangan dan badan mereka, tetapi keadaan mereka tidak membahayakan.

Perkhidmatan Bomba Bangar mengingatkan semua kapal dan bot2 yang membawa minyak supaya mematohi peratoran2 Bomba dengan memberi tahu jumlah minyak petrol yang hendak mereka bawa dan dengan itu usaha menchegah kebakaran akan dapat di-lakukan dengan ada-nya alat2 penchegahan yang menchukopi.



GAMBAR ini di-ambil pada pukul 7.15 malam oleh Awang Nordin bin Haji Bakir, jurugambar Jabatan Hal-Ehwal Ugama yang menunjokkan api sedang menguasai keselurohan kapal kayu yang membawa minyak itu. Kapal ini telah tenggelam di-Sungai Bangar.

## Peraduan Fotografi kali kelima

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Persatuan Fotografi Brunei akan menganjorkan Peraduan Fotografi Asia Tenggara 1978 yang akan di-adakan dalam bulan Nobember depan. Peraduan kali kelima di-anjorkan oleh persatuan itu di-adakan sa-bagai salah satu achara bagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun.

Peraduan tersebut terbuka kapada peminat2 seni foto di-seluroh negeri ini dan negeri2 di-Asia Tenggara. Ia-nya akan di-bahagikan kapada tiga bahagian ia-itu gambar hitam puteh, slide berwarna dan gambar berwarna.

Sa-tiap peserta boleh menghantar sekurang2-nya enam keping gambar yang berukoran tidak lebeh dari 16 x 20 inchi dan tidak kurang dari 12 x 15 inchi untok gambar hitam puteh dan 10 x 8 inchi bagi gambar2 berwarna. Bagi slide berwarna, peserta2 boleh menghantar sa-hingga enam keping yang berukoran 2 x 2 inchi.

Peserta2 boleh memileh sebarang tajok untok gambar2 mereka, tetapi gambar2 atau slide2 yang telah di-hantar ka-peraduan2 yang telah lalu tidak akan di-terima.

Bayaran bagi tiap2 bahagian ia-lah US$3.00 atau B$5.00 atau £1 yang mesti di-kirim beserta tiap2 borang penyertaan. Gambar2 atau slide yang tidak di-sertai dengan wang bayaran tidak akan di-hakimkan atau di-kembalikan.

Pengerusi Peraduan, Awang Haji Kamaluddin bin Pehin Datu Panglima Haji Abu Bakar menyatakan bahawa kira2 300 borang penyertaan telah pun di-edarkan kapada peminata2 seni foto di-negeri2 Asia Tenggara.

Pada tahun lalu lebeh dari 200 keping gambar dan slide telah di-terima dari peminat2 seni foto dari Australia, Taiwan, Hong Kong, Filipina, Korea, India, Malaysia, Singapura dan Brunei.

Pada tahun ini pehak penganjor akan menyediakan tiga hadiah istimewa bagi peserta dalam tiap2 bahagian dan tiga hadiah istimewa bagi peserta2 dari Brunei, sa-bagai tambahan kapada hadiah pingat emas, perak dan gangsa.

Borang2 penyertaan dan keterangan lanjut boleh di-dapati dari Awang Liew Kok Peng, Black and White Studio, atau peti surat 1025, Bandar Seri Begawan. Penyertaan akan di-tutop pada 15hb Ogos, 1978.



Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah sedang menyampaikan perisai kejohanan kapada Awang Laki bin Haji Mohd Zain yang telah berjaya menjadi johan dalam peraduan silat.

## Pendudok2 kampong di-nasehatkan:

## Selalu berhubong dengan Penghulu, Ketua Kampong

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Ada-lah di-nasehatkan kapada pendudok2 kampong yang berkenaan di-negeri ini supaya selalu berhubong rapat dengan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong mereka. Dengan ada-nya perhubongan yang rapat itu tentu semesti-nya akan mendatangkan satu permufakatan yang akan menyenangkan bagi Kerajaan dalam membuat berbagai projek kemajuan untok raayat tanpa rintangan atau kesulitan.

Ini telah di-tegaskan oleh Y.B. Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid sa-laku ketua rombongan Ahli2 Yang Berhormat yang telah mengadakan perjumpaan mereka dengan anak2 kampong, di-Kampong Mukim Peramu, Kampong Ayer sini Jumaat lepas.

Mengenai permohonan2 yang berkaitan dengan Kerajaan ia-nya hendak-lah di-salorkan melalui saloran2 yang tertentu supaya menyenangkan permohonan2 itu di-proses supaya perkara2 yang berkebajikan dan kemajuan yang telah di-atorkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan dapat di-nekmati bersama2 dengan izin Allah.

Tambah YB. Awang Abdul Latif lagi, sapertimana yang telah di-maalumkan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan supaya Ahli2 Yang Berhormat menyampaikan kapada anak2 kampong yang di-lawati supaya mengingatkan bahawa Undang2 Dadah akan di-kuat-kuasakan pada 1hb Julai, 1978. Dari itu ada-lah di-nasehatkan juga kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya mengingatkan atau mengawal anak2 buah mereka itu supaya **menjauhkan diri dari penyalah-gunaan dadah itu.**

Sa-belum lawatan ka-Kampong Mukim Peramu, Ahli2 Yang Berhormat telah mengadakan lawatan ka-Kampong Mukim Sungai Kedayan, di-situ mereka mengadakan perjumpaan di-Sekolah Melayu Pengiran Di-Gadong Pengiran Mohd Salleh dan lawatan ka-Kampong Mukim Burong Pingai.

## 80 sertai Perlumbaan Kereta tahun ini

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Sa-ramai 80 orang pemandu akan menyertai perlumbaan kereta Brunei Grand Prix pada tahun ini termasok tujoh orang pelumba dari Singapura dan Malaysia. Ketujoh2 orang pelumba dari luar negeri ini akan menyertai perlumbaan Brunei Grand Prix Super Saloon di-samping pelumba2 tempatan.

Perlumbaan Kereta Brunei Grand Prix itu di-adakan sa-bagai salah satu achara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan akan di-adakan di-Lapanganterbang Lama pada hari Ahad 16hb Julai.

Sa-banyak sembilan achara termasok perlumbaan bagi peserta perempuan akan di-adakan pada hari itu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perlumbaan Kereta meminta semua peserta yang telah mendaftar untok menyertai perlumbaan tersebut supaya jangan mengadakan latehan atau menguji kereta mereka masing2 sa-hingga satu tarikh yang akan di-beritahu kelak.

Beliau memberi amaran kapada mereka yang di-dapati mengadakan latehan atau ujian di-jalanraya, jawatankuasa akan menolak penyertaan mereka untok mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.